



فقه المالقات

Tinjauan

Operasi

- Cadangan Korporat
- Skim Pengurusan Dana dan Pelaburan Kolektif
- Institusi Pasaran
- Perantara Pasaran
- Pengawasan dan Pematuhan Laporan Kewangan
- Penguatkuasaan
- Pendidikan dan Latihan
- Hal Ehwal Antarabangsa

CADANGAN KORPORAT

Suruhanjaya mengawal selia penawaran dan penerbitan sekuriti oleh syarikat awam, dan debentur oleh syarikat swasta. Ia juga mengawal selia penyenaiaan sekuriti seumpama itu di BSKL dan MESDAQ, serta pengambilalihan dan percantuman. Suruhanjaya juga merupakan badan tunggal yang memberi kelulusan dan mendaftar prospektus bagi semua jenis sekuriti (selain sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai).

CADANGAN YANG DIPERTIMBANGKAN

(Jadual 7-10)

Pada tahun 2001, terdapat penurunan dalam jumlah cadangan korporat yang diterima oleh Suruhanjaya, berbanding pada tahun 2000. Pada tahun 2001, terdapat 312 permohonan baru berbanding 416 pada tahun 2000. Ini adalah tambahan kepada 110 permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun 2000, yang membawa kepada sejumlah 422 permohonan untuk diproses pada tahun 2001. Daripada jumlah ini, 318 atau 75.4% diproses pada tahun 2001, 23 ditarik balik dan 81 dibawa ke hadapan ke tahun 2002.

Daripada 318 permohonan yang diproses, 303 (95.3%) diluluskan, tujuh ditolak dan lapan ditunda. Kebanyakan daripada yang diluluskan ialah cadangan untuk menjana dana melalui instrumen hutang, yang mencakupi 25% kelulusan itu. Terdapat juga sebilangan besar kelulusan bagi ESOS. Ini merangkumi 17.1% kelulusan pada tahun 2001. Namun begitu, berbanding pada tahun 2000, jumlah kelulusan bagi ESOS merosot 21%, daripada 66 kepada 52 kelulusan. Keadaan ini adalah berikutan keadaan

pasaran yang lesu terutama dari segi harga dan pergerakan saham. Tambahan pula, penerbitan ESOS mungkin berkurangan ekoran banyak syarikat menjalankan langkah penyusunan semula/penggabungan, yang mengakibatkan syarikat itu memberi kurang keutamaan kepada program pengekalan pekerja dan ganjaran.

Terdapat 32 kelulusan bagi penyenaiaan baru di BSKL pada tahun 2001 – penurunan 41.8% berbanding 55 permohonan yang diluluskan pada tahun 2000. Sebaliknya, kelulusan bagi penyenaiaan di MESDAQ meningkat, daripada tiga pada tahun 2000 kepada tujuh pada tahun 2001.

Daripada 32 permohonan yang diluluskan bagi penyenaiaan di BSKL, sembilan adalah bagi Papan Utama dan 23 bagi Papan Kedua. Berikutan berkurangnya permohonan bagi penyenaiaan, jumlah penyenaiaan baru di BSKL menurun hampir 50% daripada 38 pada tahun 2000 kepada 20 pada tahun 2001. Setakat 31 Disember 2001, terdapat 811 syarikat disenaraikan di BSKL (520 Papan Utama; 291 Papan Kedua), dengan permodalan pasaran berjumlah RM464.99 bilion.

Pelbagai langkah korporat yang diluluskan pada tahun 2001 dijangka dapat menjana RM53.31 bilion, jauh lebih tinggi daripada RM37.62 bilion yang dijangkakan pada tahun 2000. Kira-kira RM45.88 bilion atau 86.1% dana itu akan dijanakan menerusi instrumen hutang. Secara keseluruhan, statistik ini menggambarkan satu peralihan yang jelas mengenai aktiviti penjanaan dana daripada ekuiti kepada hutang. Minat kepada penjanaan dana menerusi instrumen hutang dicetuskan oleh peningkatan kesedaran di kalangan syarikat instrumen hutang sebagai kaedah alternatif penjanaan modal, yang

terdedah kepada volatiliti yang lebih rendah berbanding pasaran ekuiti. Suruhanjaya, setelah menjadi badan tunggal yang meluluskan PDS sejak 1 Julai 2000, telah juga memudahcarakan penerbitan PDS dengan mempercepatkan masa pemprosesan dan memperkenalkan garis panduan.

PROSPEKTUS YANG DIDAFTARKAN

(Jadual 11)

Pada tahun 2001, Suruhanjaya menerima sebanyak 67 permohonan baru prospektus bagi pendaftaran. Ini merupakan tambahan kepada sembilan permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun 2000, menjadikan bilangan permohonan dalam tangan pada tahun 2001 sebanyak 76. Daripada jumlah ini, 36 permohonan telah didaftarkan, dua ditarik balik (oleh kerana penarikbalikan permohonan) dan 38 dibawa ke hadapan ke tahun 2002.

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

(Jadual 12-13)

Suruhanjaya mempertimbangkan sejumlah 157 permohonan berkaitan *Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998* (2000: 158 permohonan). Lapan puluh satu daripada permohonan ini membabitkan tawaran pengambilalihan.

Daripada 76 permohonan berkaitan urus niaga pengambilalihan yang tidak membabitkan tawaran pengambilalihan, 44 adalah bagi pengecualian daripada tawaran obligasi mandatori yang dibuat mengikut seksyen 33C, SCA dan *Practice Note 2.9* kod tersebut. Ini mewakili penurunan 20% daripada jumlah permohonan dalam tahun 2000. Baki permohonan adalah bagi pelantikan penasihat bebas, penjelasan pekeliling makluman bebas dan permintaan untuk keputusan bagi permohonan sampingan yang lain.

AUDIT PENILAIAN ASET

(Jadual 14)

Pada tahun 2001, Suruhanjaya menjalankan semakan penilaian ke atas 453 laporan penilaian yang dikemukakan oleh 65 syarikat awam berkaitan pelbagai cadangan korporat yang membabitkan penilaian semula harta, peningkatan sebanyak 24 laporan atau 5.6% dari tahun 2000.

Dari segi nilai modal, penilaian harta berkaitan langkah penyusunan semula, pengaturan dan penilaian semula mendahului dengan mencakupi 57.1% atau RM8.55 bilion daripada sejumlah RM14.96 bilion nilai harta yang dinilai. Ini diikuti penilaian bagi harta berkaitan langkah perolehan, yang merangkumi 29.4% (RM4.39 bilion) nilai keseluruhan modal.

Dalam menguatkuasakan pematuhan kepada standard dan garis panduan penilaian yang relevan, Suruhanjaya melaksanakan pelbagai sekatan terhadap penilai yang menyeleweng kerana membuat penilaian yang salah dan gagal menjalankan tanggungjawab untuk mengendalikan ketekunan wajar yang secukupnya. Sepanjang tahun, tiga syarikat penilaian telah diberikan surat peringatan, satu telah dicela, sementara satu lagi telah menerima hukuman yang lebih keras yang mana pengemukaan cadangan mereka tidak diterima bagi sesuatu tempoh.

UNIT BUMIPUTERA

Unit Bumiputera Suruhanjaya diwujudkan pada bulan April 1999 sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mencapai penyertaan dan pemilikan ekuiti yang efektif di kalangan Bumiputera dalam sektor korporat. Pada tahun 2001, unit itu meneruskan usaha ke arah ini, yang termasuk:

- Mengawasi jumlah permohonan korporat yang dikemukakan oleh syarikat Bumiputera kepada Suruhanjaya, untuk mengikuti pembabitan Bumiputera dalam pasaran modal (Carta 2).

- Memupuk perhubungan kerja yang rapat dengan organisasi yang relevan seperti Perbadanan Nasional Bhd dan Perbadanan Usahawan Nasional Bhd serta Unit Penyertaan Bumiputera BSKL bagi menangani isu-isu berkaitan pembabitian Bumiputera dalam pasaran modal.
- Memupuk syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk menyenaraikan syarikat mereka dengan menyediakan maklumat yang relevan dan memberi nasihat berkaitan peraturan dan garis panduan Suruhanjaya.
- Bekerjasama dengan SIDC dan organisasi relevan yang lain untuk mempromosikan dan menjalankan program pembangunan untuk meningkatkan tahap penyertaan dan profesionalisme di kalangan peserta Bumiputera. Sebagai contoh, pada tahun 2001 wakil daripada unit itu memberi taklimat di pameran bergerak yang dianjurkan oleh BSKL, untuk mempromosikan pasaran modal dan menggalakkan penyertaan lebih tinggi di kalangan peserta Bumiputera dalam pasaran modal.
- Menjadi titik penghubung bagi masyarakat Bumiputera mendapatkan maklumat dan penjelasan mengenai undang-undang sekuriti, garis panduan Suruhanjaya

selain peluang-peluang latihan yang ditawarkan oleh Suruhanjaya.

PANEL RUJUKAN TEKNIKAL


Panel Rujukan Teknikal (TRP) Suruhanjaya diwujudkan pada bulan April 2000 untuk membolehkan orang ramai, terutama penasihat seperti bank saudagar dan peguam, mendapatkan penjelasan daripada Suruhanjaya mengenai penggunaan garis panduan Suruhanjaya. Pertanyaan kepada TRP perlu dikemukakan melalui e-mel kepada trp@seccom.com.my.

Satu bahagian pada tapak web Suruhanjaya (www.sc.com.my) dikhaskan untuk TRP, respons kepada satu set FAQ di bahagian TRP di tapak web itu. FAQ tersebut pada masa ini mengandungi tiga kategori, iaitu, penawaran awam awal, pengambilalihan berbalik/penyenaraian melalui syarikat lain dan keperluan bagi penzaharan kepentingan mengikut seksyen 99B *Akta Perindustrian Sekuriti 1983* (SIA). FAQ tersebut dikemas kini dan dipertingkatkan secara berterusan pada tahun berkenaan.

Untuk tempoh antara bulan April 2000-Disember 2001, sebahagian besar pertanyaan yang dikendalikan oleh TRP adalah topik berkaitan garis panduan Suruhanjaya dan undang-undang sekuriti. Terdapat juga pertanyaan, walaupun sedikit, mengenai aspek lain seperti komoditi lani dan pelesenan perantara. Majoriti mereka yang bertanya ialah penasihat syarikat (peguam, akauntan dan pihak bank saudagar) diikuti oleh setiausaha syarikat, ahli akademik dan yang lain seperti pelabur runcit. Kebanyakan pertanyaan dikemukakan melalui e-mel dan sebahagian kecil menerusi pos/faksimili.

Pewujudan kemudahan ini adalah selaras dengan dasar Suruhanjaya untuk lebih terbuka dan mudah berunding dengan orang ramai. Lagipun, kewujudan kemudahan ini menyokong langkah pasaran modal menuju persekitaran DBR yang mana tanggungjawab terletak pada syarikat dan para penasihat untuk memastikan peraturan dan undang-undang yang relevan dipatuhi.

Carta 2
Permohonan bagi Penyenaraian Baru yang
Dipertimbangkan – Bumiputera Berbanding Bukan
Bumiputera



STATISTIK UTAMA

Jadual 7

Status Permohonan

Permohonan	2001	2000
Permohonan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	110	102
Permohonan yang diterima pada tahun semasa	312	416
Permohonan untuk tahun semasa	422	518
Permohonan yang diproses dan dipertimbangkan pada tahun semasa	318	393
Permohonan yang ditarik balik pada tahun semasa	23	15
Permohonan yang dibawa ke hadapan ke tahun berikutnya	81	110

Jadual 8

Jumlah Permohonan yang Dipertimbangkan Mengikut Jenis Cadangan

Jenis Cadangan	Diluluskan		Ditolak		Ditunda		Jumlah	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Pengapungan di BSKL	32	55	3	1	2	3	37	59
Pengapungan di MESDAQ	7	3	0	0	1	0	8	3
Dipindahkan ke Papan Utama	17	11	0	0	0	0	17	11
Penjanaaan dana melalui ekuiti	17	45	0	0	0	0	17	45
Penjanaaan dana melalui hutang	76	35	0	0	0	1	76	36
ICULS	5	4	0	0	0	0	5	4
Penempatan Tertutup/terbitan terhad	16	29	0	3	0	0	16	32
Syer keutamaan	1	0	0	0	0	0	1	0
Waran gantian	0	8	0	0	0	0	0	8
Penyusunan, pengaturan, penilaian dan permodalan semula	18	32	2	2	2	4	22	38
Perolehan	30	30	2	1	3	4	35	35
Percantuman	2	6	0	0	0	0	2	6
Penjualan	8	12	0	0	0	0	8	12
Penukaran hutang kepada ekuiti	1	1	0	1	0	1	1	3
Bonus	17	26	0	1	0	0	17	27
ESOS	52	66	0	0	0	0	52	66
Cadangan oleh syarikat tidak tersenarai ¹	4	8	0	0	0	0	4	8
Jumlah	303	371	7	9	8	13	318	393

¹ Cadangan lain selain sekuriti hutang dan ESOS.

Jadual 9

Cadangan Penyenaian di BSKL

	Papan Utama		Papan Kedua		Jumlah	
	2001	2000	2001 ²	2000	2001	2000
Lulus	9	25	30	30	39	55
Ditolak	2	0	1	1	3	1
Ditunda	0	0	3	3	3	3
Jumlah	11	25	34	34	45	59

Jadual 10

Jumlah Dana yang Dikumpulkan/Akan Dikumpulkan Mengikut Jenis Terbitan

Jenis ³	Jumlah Terbitan		Dana Dikumpulkan/Akan Dikumpulkan			
			RM juta		%	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000
IPO ⁴						
Jumlah kelulusan	39	55				
– Jumlah dikumpulkan oleh PLC			887.4	3,286.6	1.67	8.74
– Jumlah dikumpulkan oleh penawar			202.2	4,706.4	0.38	12.51
Dana yang dikumpulkan melalui ekuiti						
– Tersenarai	42	101	3,779.6	6,224.8	7.09	16.55
– Tidak tersenarai	1	3	2.0	2,518.7	*	6.69
ICULS						
– Tersenarai	5	11	1,068.8	679.4	2.00	1.81
– Tidak tersenarai	2	1	692.4	589.0	1.30	1.56
Dana yang dikumpulkan melalui hutang						
– Tersenarai	31	21	21,513.0	5,835.0	40.36	15.51
– Tidak tersenarai	48	16	24,363.7	13,782.5	45.70	36.63
Syer keutamaan						
– Tersenarai	1	0	800.0	0	1.50	0
– Tidak tersenarai	0	0	0	0	0	0
Terbitan waran panggilan	0	0	0	0	0	0
Jumlah	169	208	53,309.1	37,622.4	100.00	100.00

* minimal - 0.004%

² Termasuk lapan permohonan MESDAQ (tujuh diluluskan dan satu ditunda).³ Merujuk kepada tiap-tiap jenis terbitan yang diluluskan untuk dilaksanakan oleh syarikat yang tersenarai/tidak tersenarai.⁴ Tidak termasuk penempatan tertutup dan terbitan terhad.

Jadual 11

Permohonan bagi Pendaftaran Prospektus

	2001				1 Julai-31 Disember 2000			
	Prospektus	Prospektus Ringkas	Prospektus Tambahan	Jumlah	Prospektus	Prospektus Ringkas	Prospektus Tambahan	Jumlah
Baki dibawa ke hadapan	6	3	0	9	0	0	0	0
Diterima pada tahun semasa	42	25	0	67	44	39	0	83
Diluluskan:								
– Didaftar	19	17	0	36	35	33	0	68
– Pendaftaran belum selesai	0	0	0	0	1	1	0	2
Ditolak	0	0	0	0	0	0	0	0
Ditarik balik	1	1	0	2	2	2	0	4
Menunggu pertimbangan	28	10	0	38	6	3	0	9

Jadual 12

Permohonan yang Dipertimbangkan Berhubung Urus Niaga Pengambilalihan yang Melibatkan Tawaran Am

Jenis Permohonan	2001	2000
Lanjutan masa bagi pengiriman dokumen tawaran	20	13
Penjelasan dokumen tawaran	13	14
Pelantikan penasihat bebas	15	17
Penjelasan pekeliling penasihat bebas	10	12
Permohonan sampingan lain, termasuk permohonan bagi ketetapan Kod, dsb.	23	15
Jumlah	81	71

Jadual 13

Permohonan yang Dipertimbangkan Berhubung Urus Niaga Pengambilalihan yang Tidak Melibatkan Tawaran Am

Jenis Permohonan	2001	2000
Pengecualian daripada kewajipan tawaran am mandatori	44	55
Permintaan bagi ketetapan Kod dan permohonan sampingan yang lain	3	9
Pelantikan penasihat bebas	16	12
Penjelasan pekeliling penasihat bebas	13	11
Jumlah	76	87

Jadual 14

Kajian Semula Nilai Berdasarkan Jenis Cadangan

Jenis	Bilangan Syarikat (Bilangan Laporan)		Bilangan Harta		Nilai Modal (RM juta)	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Pengapungan						
– Papan Utama	5(70)	15(144)	1,025	11,461	874	1,134
– Papan Kedua	13(77)	18(136)	138	206	254	602
Perolehan	19(111)	24(68)	1,045	6,364	4,393	2,843
Terbitan bonus	3(21)	4(42)	56	1,872	204	636
Penyusunan, pengaturan dan penilaian semula	17(162)	12(26)	3,945	79	8,553	1,174
Perubahan dalam penggunaan hasil	3(3)	0	3	0	57	0
Penggunaan hasil daripada:						
– terbitan hak	2(5)	3(10)	8	155	224	169
– penempatan tertutup	1(1)	0	1	0	3	0
– bon	1(2)	0	5	0	360	0
– ICULS	0	2(2)	0	7	0	149
Gabungan	0	1(1)	0	4	0	76
Syarikat tidak tersenarai	0	0	0	0	0	0
Penjualan	1(1)	0	1	0	36	0
Jumlah	65(453)	79(429)	6,227	20,148	14,958	6,783

GARIS PANDUAN BARU BERHUBUNG PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Guidelines on Offer Documentation

Suruhanjaya mengeluarkan *Guidelines on Offer Documentation* yang baru, berhubung *Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998*, yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2001. Garis panduan itu dikeluarkan selaras dengan *Practice Note 1.1* kod itu yang menyatakan bahawa Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan dalam bentuk nota amalan dalam interpretasi kod dan menetapkan amalan dan tata laku pihak yang terbabit dalam atau terbabit oleh sesuatu tawaran pengambilalihan, percantuman atau perolehan wajib.

Garis panduan baru itu bertujuan memastikan semua dokumen yang berkaitan dengan tawaran pengambilalihan dan percantuman mempunyai makna, jelas, tepat dan berguna, bagi kedua-dua pemegang saham syarikat pembuat dan penerima tawaran, dan kepada pasaran secara keseluruhan, selain memastikan tidak ada maklumat penting disembunyikan. Penzahiran yang dipertingkatkan dalam dokumentasi itu juga adalah selaras dengan rejim DBR Suruhanjaya. Di samping itu, garis panduan itu menyediakan contoh format bagi setiap dokumen, dalam membimbing pengamal merangka dokumen tawaran agar ia mematuhi garis panduan untuk memenuhi objektif dasar kod, untuk memastikan kejelasan proses, perlindungan pemegang saham minoriti dan menyediakan maklumat yang bertepatan masa dan mencukupi kepada pemegang saham syarikat yang terbabit dalam urus niaga pengambilalihan itu.

Garis panduan itu menekankan memasukan maklumat lebih terperinci dan khusus mengenai urus niaga dalam surat tawaran dan mengandungi peruntukan semakan kualitatif mengenai prospektif masa hadapan syarikat penerima tawaran dalam pekililing penasihat bebas. Ini dianggap penting bagi membolehkan pemegang saham penerima tawaran menilai merit tawaran berkenaan. Dalam keadaan tertentu, Suruhanjaya juga menggalakkan

memasukan ramalan/anggaran keuntungan, dalam keadaan yang mana syarikat penerima tawaran telah, mengikut tarikh pekililing penasihat itu, sudah mengakhiri sesuatu tahun kewangan tetapi belum lagi secara formal menerbitkan laporan dan akaunnya, atau dalam keadaan yang mana, sebelum tempoh tawaran telah bermula, syarikat penerima tawaran telah, atas sebab-sebab tertentu, menerbitkan ramalan keuntungan.

Garis panduan itu juga memperkenalkan konsep dokumentasi bersama, yang mana surat tawaran dan pekililing penasihat bebas boleh digabungkan ke dalam satu dokumen. Satu dokumen bersama, atau sebaliknya dipanggil “tawaran dokumen yang disyorkan”, boleh diterbitkan dalam keadaan yang mana lembaga penerima dan penasihat bebas sudah terlebih dahulu mengesyorkan tawaran itu sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, sebagai contoh, berikutan perbincangan antara pihak-pihak sebelum pengumuman tawaran itu, atau berikutan pengumuman tetapi sebelum surat tawaran dikeluarkan, lembaga penerima dan penasihat bebas telah mengesahkan kepada pembuat tawaran bahawa tawaran itu akan disyorkan.

Satu lagi senario penggunaan dokumentasi bersama sangat digalakkan, adalah apabila satu tawaran tidak terlebih dahulu disyorkan oleh lembaga penerima dan penasihat bebas, dan pembuat tawaran kemudian membuat satu tawaran semula, yang memerlukan penerbitan satu surat tawaran yang disemak semula, yang kemudiannya disyorkan. Penggunaan dokumentasi bersama boleh mengurangkan gabungan kos sesuatu urus niaga dan memendekkan jadual waktu yang efektif bagi tawaran yang disyorkan. Lagipun, ia boleh membawa kepada pengurangan pertindanan maklumat antara surat tawaran dan pekililing penasihat bebas serta secara keseluruhan lebih bermaklumat dan memudahkan pemegang saham penerima tawaran untuk meneliti kedua-dua tawaran dan pandangan lembaga penerima dan penasihat bebas dalam satu dokumen yang sama, serta tidak perlu merujuk silang

kedua-dua dokumen berasingan itu yang selalunya diterima pada masa yang berlainan.

Polisi Baru Mengenai Pengecualian Daripada Kewajipan Tawaran Mandatori Timbul Daripada Aktiviti Masa Hadapan/Melaksanakan Hak Penukaran bawah Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998

Sebelum ini, adalah menjadi polisi Suruhanjaya tidak memberi kelulusan menyeluruh bagi pengecualian permohonan bagi kewajipan tawaran mandatori berpotensi yang timbul daripada aktiviti masa hadapan/penyempurnaan hak penukaran. Dalam hubungan ini, pihak yang terbabit perlu mengemukakan permohonan sebelum penggunaan/penukaran itu dijalankan, agar membolehkan Suruhanjaya menimbang permohonan seperti itu berdasarkan keadaan sekeliling yang membabitkan kepentingan pihak yang terlibat dalam syarikat penerima itu. Suruhanjaya meneliti semula kesan polisi itu ke atas pihak terbabit dan seterusnya menerima pakai satu pendirian dasar yang baru untuk membenarkan permohonan pengecualian daripada kewajipan tawaran mandatori berpotensi yang timbul daripada aktiviti masa hadapan/melaksanakan hak penukaran, tertakluk kepada keadaan tertentu.

Mengikut dasar baru itu, pemohon perlu mematuhi syarat berikut:

- (i) Pemohon dikehendaki mematuhi prosedur *whitewash* dalam mendapatkan kelulusan pemegang saham sebuah syarikat penerima tawaran, bagi pengecualian yang dicadangkan daripada kewajipan tawaran mandatori yang berbangkit daripada aktiviti

masa hadapan/melaksanakan hak penukaran. Kelulusan daripada pemegang saham penerima tawaran harus sah bagi tempoh hak penukaran itu.

- (ii) Tidak harus ada sebarang langkah korporat yang membabitkan penerbitan saham mengundi baru oleh syarikat penerima tawaran yang mungkin menjejaskan peratusan pegangan ekuiti pemohon, sebelum menanggung kewajipan tawaran mandatori oleh pemohon, timbul daripada aktiviti masa hadapan/melaksanakan hak penukaran.
- (iii) Tidak ada pembatalan urus niaga dan pemohon tidak harus menjalankan dagangan dengan hak penukaran itu semasa tempoh tersebut. Namun demikian, pemohon dibenarkan menjual/melaksanakan hak penukaran.
- (iv) Dalam keadaan yang mana aktiviti/melaksanakan hak penukaran pemohon semasa tempoh pengecualian menyebabkan peningkatan dalam pemegangan saham dalam syarikat penerima tawaran melebihi nilai had tawaran mandatori, penasihat dan pemohon perlu memaklumkan kepada Suruhanjaya mengenai urus niaga dan untuk mengesahkan bahawa semua syarat berkaitan yang disebut telah dipatuhi oleh pemohon.
- (v) Sekiranya berlaku pemohon melupakan kesemua hak penukarannya yang mana pengecualian tidak lagi diterima pakai, pemohon dikehendaki membuat satu pengumuman yang sewajarnya sebagai pemberitahuan kepada pemegang saham syarikat penerima itu.

MEMUDAHCARAKAN PENYUSUNAN SEMULA KORPORAT

Prasyarat dan keperluan penting yang perlu dipenuhi oleh syarikat tersenarai yang mencadangkan satu skim penyusunan semula dibincangkan dalam *Policies and Guidelines on Issue/Offer Securities* (Garis panduan Terbitan). Untuk memudahcarakan penjanaaan dana dan cadangan penyusunan semula oleh syarikat tersenarai, Suruhanjaya secara berkala mengkaji semula dan, jika perlu, melonggarkan keperluan yang ditetapkan bawah Garis panduan Terbitan, termasuk keperluan berhubung cadangan penyusunan semula.¹

Falsafah dan Prinsip bagi Cadangan Penyusunan Semula Korporat

Suruhanjaya, sebagai pihak berkuasa berkanun yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi, antara lain, mengawal selia dan menyelia pasaran sekuriti Malaysia, menerima pakai satu pendekatan yang mudah dalam mempertimbangkan cadangan penyusunan semula daripada syarikat tersenarai. Secara am, sesuatu cadangan penyusunan semula yang dirumuskan dengan baik yang boleh memulihkan semula sesebuah syarikat tersenarai yang menghadapi masalah, menyelesaikan masalah kewangannya dan membolehkannya bangun dengan kedudukan yang lebih kukuh, akan dipertimbangkan dengan positif oleh Suruhanjaya.

Dalam mempertimbangkan cadangan penyusunan semula yang dikemukakan oleh syarikat tersenarai, Suruhanjaya, di samping menilai pematuhan terhadap keperluan relevan yang ditetapkan bawah Garis panduan Terbitan, juga meletakkan kepentingan pada kepatuhan falsafah dan prinsip yang terkandung di bawah. Turut dititikberatkan adalah agar penasihat seperti akauntan, dalam melaksanakan tugas bagi cadangan penyusunan semula, memberi keutamaan dan melaksanakan usaha memastikan skim yang dirumuskan itu memenuhi prinsip-prinsip ini.

Falsafah dan prinsip ini boleh diringkaskan seperti berikut:

- *Cadangan penyusunan semula harus mempamerkan, bahawa cadangan itu menyeluruh dan mampu menyelesaikan semua masalah kewangan yang dihadapi syarikat tersenarai itu, sehingga memenuhi kehendak Suruhanjaya.*

Ini adalah untuk memastikan cadangan penyusunan semula itu menangani masalah yang dihadapi syarikat tersenarai yang menghadapi masalah, termasuk menjana pendapatan dan aliran tunai dan menyusun semula semua liabiliti, dan tidak sekadar menyediakan penyelesaian satu persatu.

Cadangan penyusunan semula itu mestilah tidak semata-mata memberikan langkah jangka pendek atau yang mana syarikat tersenarai berkemungkinan besar memerlukan usaha penyelamatan seterusnya atau penyuntikan dana di masa terdekat.

- *Di mana aset yang disuntik sebagai sebahagian daripada cadangan penyusunan semula ini, aset ini harus berkualiti baik dan dapat memberi sumbangan segera dan berterusan kepada keuntungan dan aliran tunai syarikat tersenarai itu.*

Ini adalah untuk memastikan bahawa selepas penyusunan semula, syarikat tersenarai itu akan mempunyai sebuah perniagaan yang berdaya maju yang mampu menjanakan pulangan kepada pemegang saham.

Suruhanjaya harus juga berpuas hati bahawa cadangan penyusunan semula itu berupaya menjanakan aliran tunai yang positif sepanjang satu tempoh yang berterusan di masa hadapan.

¹ Rujuk kepada artikel bertajuk "Pindaan kepada Garis panduan untuk Memudahcarakan lagi Penyenaraian, Penjanaaan Dana dan Penyusunan Semula oleh Syarikat" pada muka surat 2-21 untuk maklumat lanjut.

- *Penganjur, termasuk penyelamat, yang mana perlu, harus mempunyai rekod tadbir urus korporat yang baik yang terbukti.*

Kriteria utama dan penting ini, bertujuan memastikan syarikat tersenarai dikendalikan bawah pengawasan pengurusan kanan yang memiliki standard tadbir urus korporat yang tinggi.

Syarikat tersenarai hanya boleh mencapai standard bertaraf dunia dan menarik perhatian pelabur antarabangsa apabila pemegang saham yang berkuasa dan pengurusan kanan mengamalkan standard korporat yang tinggi dan bertindak demi kepentingan semua pemegang saham syarikat.

- *Suruhanjaya harus berpuas hati bahawa cadangan penyusunan semula itu bersifat adil kepada semua pihak terbabit dan tidak berkompromi atau menjejaskan kepentingan pemegang saham, terutama pemegang saham minoriti dengan kuasa tawar-menawar yang sedikit.*

Sebagai contoh, sebuah cadangan penyusunan semula membabitkan pengurangan modal yang banyak, penawaran saham kepada pemegang saham minoriti sebuah syarikat tersenarai mungkin dipertimbangkan bagi tujuan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam cadangan itu dan, pada masa yang sama, mengekalkan sebahagian kedudukan ekuiti mereka dalam syarikat yang disusun semula itu.

- *Pemegang saham substansial atau mereka yang dianggap bertanggungjawab bagi kejatuhan syarikat tersenarai itu tidak harus meraih keuntungan dalam cara yang tidak adil berikutan cadangan penyusunan semula itu.*

Para penasihat boleh memainkan peranan dengan memastikan, yang mana perlu, pihak yang tidak bertanggungjawab tidak terus memainkan peranan penting dalam cadangan penyusunan semula itu dan, dalam penyusunan semula syarikat tersenarai di masa hadapan.

Suruhanjaya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit, yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang dalam skop Suruhanjaya, dan yang gagal bertindak demi kepentingan semua pemegang saham dan orang ramai yang melabur.

- *Perlu ada faedah meluas yang boleh dibuktikan berikutan pelaksanaan cadangan penyusunan semula itu, terutama bagi pemegang saham, pekerja dan pemegang hak lain.*

- *Suruhanjaya harus berpuas hati bahawa cadangan penyusunan semula itu tidak mempunyai kesan buruk kepada pasaran modal secara am, sama ada dengan segera atau untuk tempoh yang lebih panjang.*

Sebagai contoh, cadangan untuk menerbitkan waran dengan kuantiti yang banyak bagi tujuan menjadikan cadangan penyusunan semula itu lebih menarik boleh mewujudkan kebimbangan kerana kesan kecairan yang mungkin berlaku bagi instrumen sedemikian pada sekuriti sandaran dan keperluan keseluruhan untuk menghalang pasaran modal daripada dibanjiri dengan waran.

Perhatian perlu diberikan kepada penilaian aset harta atau perniagaan yang dicadangkan akan disuntik sebagai sebahagian daripada cadangan penyusunan semula itu, memandangkan penilaian yang terlalu tinggi bagi pemilikan aset/perniagaan seperti itu menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti yang sedia ada bagi syarikat tersenarai. Ini seterusnya akan melambatkan keputusan muktamad Suruhanjaya mengenai cadangan penyusunan semula itu, oleh kerana syarikat tersenarai terpaksa menyemak semula perangkaan penilaian yang dicadangkan agar diterima oleh Suruhanjaya.

Penetapan harga bagi terbitan sekuriti bawah sesuatu cadangan penyusunan semula harus mematuhi

sepenuhnya keperluan relevan yang ditetapkan oleh Garis panduan Terbitan, memandangkan keperluan khusus itu menyediakan had yang jelas dan telus bagi terbitan sekuriti oleh syarikat tersenarai. Begitu juga, sebarang penyimpangan daripada keperluan khusus akan melambatkan keputusan muktamad Suruhanjaya berhubung cadangan penyusunan semula, berikutan syarikat tersenarai perlu menyemak semula cadangan asal yang dikemukakan agar memenuhi keperluan Suruhanjaya.

Pengalaman Suruhanjaya dalam Mempertimbangkan Cadangan Penyusunan Semula

Suruhanjaya menimbangkan 22 cadangan korporat bagi penyusunan semula pada tahun 2001. Lapan belas

daripada cadangan itu diluluskan, dua ditolak dan dua lagi ditunda.

Sebab utama yang menyebabkan Suruhanjaya tidak memberikan kelulusan mutlak bagi sebahagian cadangan penyusunan semula ini adalah kerana cadangan itu tidak mematuhi sepenuhnya keperluan relevan yang ditetapkan oleh Garis panduan atau tidak mematuhi falsafah dan prinsip umum yang digariskan di atas. Bahkan bagi beberapa cadangan penyusunan semula yang diluluskan, banyak masa digunakan dalam merangka semula cadangan asal yang dikemukakan, berikutan beberapa kelemahan yang dikesan oleh Suruhanjaya.

Oleh itu, pengajaran bagi pengamal ketaksolvenan adalah jelas – tidak ada pengganti bagi cadangan penyusunan semula yang difikirkan dengan baik yang akan menangani semua aspek penting.

SKIM PENGURUSAN DANA DAN PELABURAN KOLEKTIF

PENGURUSAN DANA

Suruhanjaya bertanggungjawab memastikan industri pengurusan dana beroperasi secara teratur dan cekap. Ia menjalankan fungsi ini menerusi pengeluaran lesen bagi perantara dalam industri pengurusan dana.

Setakat akhir tahun 2001, terdapat 75 buah syarikat pengurusan dana berlesen dan 231 wakil pengurus dana. Enam puluh syarikat pengurusan dana adalah 100% milik tempatan, 11 dimiliki secara usaha sama dengan majoriti pemilikan tempatan, satu adalah 100% milik asing dan tiga secara usaha sama dengan majoriti pemilikan asing. Terdapat juga 11 pengurus dana niaga hadapan berlesen dan 43 wakil pengurus dana niaga hadapan.

Berdasarkan kepada laporan separa tahunan setakat 31 Disember 2001, jumlah dana yang diuruskan oleh syarikat pengurusan dana adalah sebanyak RM52.18 bilion yang mencakupi RM49.59 bilion dana tempatan dan RM2.59 bilion (AS\$680.82 juta)¹ dana asing.


Sebahagian besar dana tempatan bawah pengurusan adalah dalam bentuk unit amanah, mencecah RM36.77 bilion setakat akhir Disember 2001, berbanding RM33.49 bilion pada akhir Disember 2000 (Jadual 15). Jumlah itu merangkumi lebih daripada 74.15% dana bawah pengurusan di negara ini setakat akhir 2001. Dana jenis lain yang berada bawah pengurusan adalah dana amal, dana korporat, KWSP, dana badan/agensi kerajaan, dana individu, dana insurans, dana Islam, dana unit amanah dan dana pencen persendirian.

Bagi dana asing, sebahagian besarnya terdiri daripada dana korporat (76.4%), yang mengikuti corak yang sama pada akhir tahun 2000.

Setakat 31 Disember 2001, lima syarikat pengurusan dana terbesar terus menguruskan lebih daripada 70% jumlah dana bawah pengurusan, seperti yang berlaku pada akhir tahun lepas (Carta 3).

Setakat 31 Disember 2001, jumlah dana yang dilaburkan di Malaysia menerusi pengurusan dana adalah sebanyak RM49.91 bilion, satu peningkatan sebanyak 20.5% dari akhir tahun 2000 (Carta 4). Sementara itu, dana yang dilaburkan di luar Malaysia berjumlah RM1.10 bilion, penurunan 51.1% berbanding akhir tahun 2000.

Carta 3
Peratusan Dana yang Diuruskan oleh Syarikat Pengurusan Dana



¹ AS\$1 = RM3.80

Berbanding dengan tahun 2000, tidak ada perubahan corak peruntukan aset bagi tahun yang berakhir 2001 (Carta 5) – kebanyakan aset diuntukkan kepada pelaburan dalam ekuiti (2001: 62.9%, 2000: 67.3%) diikuti oleh instrumen pendapatan tetap (2001: 18.7%, 2000: 11.4%).

SKIM PELABURAN KOLEKTIF

Industri pelaburan kolektif di Malaysia termasuk dana pencen dan kumpulan simpanan pekerja, dana unit amanah, dana insurans dan dana tabung haji. Bagaimanapun, kuasa pengawalseliaan Suruhanjaya berhubung skim pelaburan kolektif hanya meliputi dana unit amanah, dana amanah harta dan dana tertutup iaitu tidak termasuk bentuk skim pelaburan kolektif yang lain seperti dana pencen dan dana kumpulan simpanan pekerja, dana insurans dan dana tabung haji.


Dalam hubungan ini, Suruhanjaya menimbang permohonan bagi penubuhan unit amanah dan amanah harta selain bentuk skim pelaburan kolektif yang lain, dan terbitan dan penawaran penjualan instrumen itu kepada

orang ramai. Ia juga menimbang permohonan bagi pengecualian/kepelbagaian daripada garis panduan rasmi; selain menggubal dasar dan peraturan berhubung skim unit amanah dan skim pelaburan kolektif yang lain.


Berhubung pencapaian industri unit amanah pada tahun 2001, ia pada amnya amat menggalakkan. Setakat akhir tahun 2001, terdapat 37 buah syarikat pengurusan unit amanah berbanding 34 pada tahun sebelumnya (Jadual 16). Jumlah dana yang diluluskan yang berjumlah 127 pada akhir tahun 2000 telah meningkat kepada 164 pada akhir tahun 2001. Terdapat 71.39 bilion unit dalam edaran pada akhir tahun 2001 berbanding 63.85 bilion unit pada akhir tahun 2000.

NAV agregat dana juga meningkat daripada RM43.3 bilion setakat 31 Disember 2000 kepada RM47.34 bilion pada akhir tahun 2001. NAV pada tahun 2001 mencakupi 10.18% pemodalan pasaran BSKL berbanding 9.74% pada tahun 2000. Jumlah akaun setakat akhir tahun 2001, sebanyak 9.99 juta, juga lebih tinggi sedikit berbanding jumlah pada tahun 2000 iaitu 9.58 juta.

Carta 4
Dana yang Dilaburkan di Dalam dan Luar Malaysia



Carta 5
Pengagihan Aset



Selaras dengan pertumbuhan keseluruhan industri unit amanah, industri unit amanah Islam juga menunjukkan kemajuan memberangsangkan pada tahun 2001. Terdapat 32 dana Islam yang merangkumi 19.5% daripada sejumlah 164 dana unit amanah dalam industri setakat 31 Disember 2001 (2000: 17 dana mencakupi 13.4%). NAV bagi dana Islam berjumlah RM2.42 bilion berbanding RM1.68 bilion pada tahun sebelumnya (Jadual 17).

Dari segi permohonan berkaitan unit amanah, amanah harta dan skim pelaburan kolektif yang lain, Suruhanjaya telah menimbangkan 137 pada tahun 2001 (Jadual 18). Daripada ini, terdapat 33 permohonan untuk mewujudkan dana baru, 18 untuk menambah had saiz dana dan tujuh bagi pengecualian/kepelbagaian daripada garis panduan bertajuk *Guidelines on Unit Trust Funds*.

STATISTIK UTAMA

Jadual 15

Dana bawah Pengurusan – Mengikut Jenis Dana²

Jenis Dana	Tempatan (RM Juta)		Asing (AS\$ Juta)	
	2001	2000	2001	2000
Dana amal	225.90	183.82	0	0
Dana korporat	4,050.35	3,088.01	520.05	552.25
KWSP	2,129.52	1,294.73	0	0
Dana kerajaan	885.47	852.98	0	0
Dana individu	673.22	833.82	33.44	25.60
Dana insurans	529.16	546.10	1.60	0
Dana pencen persendirian	899.05	859.38	0.37	0.29
Dana unit amanah	36,774.36	33,491.01	28.35	21.12
Dana unit amanah Islam	664.72	628.43	0.40	0.40
Dana lain ³	2,755.67	1,626.66	96.61	97.20
Jumlah	49,587.42	43,404.94	680.82	696.86

² Berdasarkan 61 syarikat pada tahun 2001 dan 63 syarikat pada tahun 2000.

³ Meliputi dana yang diwujudkan bagi tujuan khas, yang tidak termasuk bawah kategori yang dinyatakan dalam jadual.

Jadual 16

Industri Unit Amanah

	2001	2000
Jumlah syarikat pengurusan	37	34
Jumlah dana yang diluluskan	164	127
Jumlah saiz yang diluluskan (bilion unit)	110.02	90.35
Unit dalam edaran (bilion unit)	71.39	63.85
NAV (RM bilion)	47.34	43.30
Jumlah akaun (juta)	9.99	9.58
% NAV kepada pemodalan pasaran BSKL	10.18	9.74

Jadual 17

Dana Unit Amanah Islam

	2001	2000
Jumlah syarikat pengurusan	23	15
Jumlah dana diluluskan ⁴	32	17
Unit dalam edaran (bilion unit)	4.26	3.13
Jumlah akaun	266,917	236,383
NAV dana (RM bilion)	2.42	1.68

Jadual 18

Permohonan Berhubung Pelbagai Perkara Berkaitan Skim Unit Amanah, Amanah Harta dan Skim Pelaburan Kolektif yang Lain

Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan			
	Dipertimbangkan		Masih Dipertimbangkan	
	2001	2000	2001	2000
Penubuhan dana baru	33	13	13	9
Pertambahan dalam had saiz dana	18	26	2	0
Pengecualian/kepelbagaian daripada garis panduan	8	9	2	1
Permohonan lain	78	88	24	24
Jumlah	137	136	41	34

⁴ Termasuk dana yang diluluskan tetapi belum dilancarkan.

INSTITUSI PASARAN

Suruhanjaya menyelia dan mengawasi aktiviti institusi pasaran, iaitu BSKL, MESDAQ, MDEX, Depositori Pusat Malaysia (MCD), SCANS dan Rumah Penjelasan Derivatif Malaysia (MDCH).

Sebagaimana dinyatakan dalam bahagian awal laporan¹ ini, kejayaan penting yang dicapai pada tahun 2001 adalah merasionalkan institusi pasaran. Bursa derivatif, KLOFFE dan COMMEX telah bergabung pada 11 Jun 2001 untuk membentuk MDEX. BSKL dan MESDAQ menandatangani satu MoU pada 27 Jun 2001 untuk menetapkan perjanjian bagi kedua-dua pihak mengadakan rundingan terperinci bagi memudahcarakan langkah penggabungan itu.

PINDAAN KEPADA PERATURAN PERNIAGAAN INSTITUSI PASARAN

Suruhanjaya meluluskan 21 permohonan berkaitan peraturan dan prosedur yang mengawal perantara pasaran dalam pasaran ekuiti dan lima permohonan berhubung peraturan dan prosedur yang mengawal perantara pasaran dalam pasaran derivatif.

Pengurangan Kos Transaksi

Peraturan perniagaan bagi BSKL, MESDAQ dan SCANS dipinda untuk menggambarkan keperluan rangka kerja polisi berhubung liberalisasi kos transaksi, yang diperkenalkan pada tahun 2000. Secara khusus, Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada peraturan perniagaan institusi pasaran untuk menggambarkan perkara berikut:

- BSKL – Pengurangan fi SCORE daripada 0.005% kepada 0.0025%, levi Suruhanjaya daripada 0.02% kepada 0.015% tertakluk kepada kadar maksimum RM37.50 bagi nilai kontrak untuk dagangan melebihi RM500,000, dan penghapusan langganan bulanan wakil peniaga.
- MESDAQ – Pengurangan fi SCORE daripada 0.005% kepada 0.0025%, fi kemasukan bagi ahli daripada RM750,000 kepada RM250,000, fi kemasukan bagi penasihat daripada RM500,000 kepada RM250,000, dan penghapusan fi pendaftaran tahunan MESDAQ bagi wakil berdaftar RM800 yang digantikan dengan fi pendaftaran permulaan sekali seumur hidup sebanyak RM500.
- SCANS – Pengurangan fi penjelasan SCANS bagi transaksi dalam pasaran daripada 0.05% kepada 0.04% tertakluk kepada kadar maksimum RM200.

Penggabungan Industri Broker Saham

Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada peraturan perniagaan BSKL dan MESDAQ untuk mengambil kira rangka kerja polisi berhubung penggabungan industri broker saham, selain garis panduan relevan, iaitu *Guidelines for a Universal Broker, Guidelines on the Establishment and Location of a Branch Office by a Universal Broker and a Non-Universal Broker, Guidelines on the Involvement of Stockbroking Groups in the Property or Construction Business dan Guidelines on Firewalls – Measures to Contain Risks and to Manage Issues of Conflicts of Interest between a Stockbroking Company and its Affected Related Companies*. Sehubungan dengan ini,

¹ Lihat Bab “Maju ke Hadapan Dengan Pelan Induk Pasaran Modal”, muka surat 2-2.

perubahan kepada peraturan perniagaan institusi pasaran yang diluluskan oleh Suruhanjaya pada tahun 2001 adalah berkaitan perkara berikut:

- Pindaan kepada Tataurusan Pertubuhan MESDAQ untuk memudahcarakan pemindahan keahlian daripada ahli MESDAQ kepada bukan ahli berikutan langkah penggabungan itu. Pindaan ini bertujuan membolehkan pemindahan keahlian secara licin dan pantas semasa langkah penggabungan itu.
- Pekeliling ahli BSKL untuk membenarkan seseorang pelanggan mengekalkan lebih daripada satu akaun dagangan dengan syarikat ahli yang sama (akaun dagangan pelbagai), sama ada di pejabat induk atau pejabat cawangan. Satu akaun dagangan yang dibuka di pejabat induk atau pejabat cawangan sebuah syarikat ahli boleh ditandakan ke dalam satu akaun CDS yang dikekalkan di sebuah pejabat lain di syarikat ahli mengikut pilihan pelanggan berkenaan.
- Pekeliling ahli bagi BSKL dan MESDAQ untuk menggambarkan keperluan garis panduan baru iaitu Garis panduan EAF diperkenalkan pada tahun 2001.

Penggabungan KLOFFE dan COMMEX, dan Penyusunan Semula Kumpulan BSKL

Pindaan penting kepada peraturan perniagaan, yang diluluskan oleh Suruhanjaya pada tahun 2001 untuk memudahcarakan penggabungan bursa derivatif dan penyusunan semula kumpulan BSKL adalah seperti berikut:

- KLOFFE dan COMMEX – Pindaan kepada peraturan perniagaan bagi KLOFFE dan COMMEX adalah untuk memudahcarakan penggabungan kedua-dua bursa itu kepada satu bursa derivatif, MDEX. Pindaan kepada *KLOFFE Business Rules* menggabungkan, antara lain, prosedur relevan dan spesifikasi kontrak bagi KLIBOR dan CPO, dan perubahan kepada struktur keahlian. Pindaan kepada *COMMEX Business Rules* adalah untuk mengecualikan KLOFFE daripada perlu mematuhi

peruntukan berhubung penjualan kerusi keahlian. Ini adalah bagi membolehkan KLOFFE membeli kerusi ahli COMMEX melalui proses bida dan tawar.

- MDCH – Tataurusan Pertubuhan MDCH dipinda untuk menggambarkan bahawa sahamnya kini dipegang oleh MDEX, dan bukannya oleh dua bursa derivatif seperti sebelum ini. Di samping itu, Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada Tataurusan Pertubuhan MDCH bagi memudahkan penyusunan semula kumpulan BSKL di mana perubahan pada perkataan dibuat untuk memenuhi sebarang kemungkinan yang mungkin timbul dalam penyusunan semula itu.

Pindaan Lain Kepada Peraturan Perniagaan

Suruhanjaya juga meluluskan pindaan kepada peraturan perniagaan dan terbitan pekeliling ahli oleh institusi pasaran yang berikut.

BSKL

Dana pampasan

Suruhanjaya meluluskan arahan BSKL untuk mengurangkan sumbangan syarikat ahli kepada dana pampasan bagi tahun 2000, 2001 dan 2002. Sumbangan itu adalah sebanyak RM50,000 setahun bagi tahun 2000, 2001 dan RM10,000 bagi tahun 2002.

Penghantaran elektronik bagi laporan berkala

Suruhanjaya juga meluluskan pekeliling ahli BSKL yang mewajibkan syarikat ahli mengemukakan laporan berkala (kajian semula pasaran ke atas syarikat ahli, kemudahan perbankan dan kegagalan untuk menghantar – pembelian automatik dan manual) melalui cara penghantaran elektronik kepada BSKL menerusi Sistem Pertukaran Maklumat Fail (*File Information Exchange System*).

Pekeliling ahli BSKL berhubung akaun penjelasan omnibus

Satu lagi pekeliling ahli BSKL yang diluluskan oleh Suruhanjaya adalah berkaitan kelonggaran keperluan atas

akaun penjelasan omnibus. Selain daripada pengurus dana dan pengurus dana asing berlesen, syarikat broker saham yang menjadi ahli bursa saham lain yang diiktiraf dan peniaga sekuriti tidak berlesen yang diberi kuasa untuk berurusan dalam sekuriti di bidang kuasa perundangan kawasan mereka, kini boleh mengekalkan akaun penjelasan omnibus dengan broker tempatan. Di samping itu, prosedur bagi permohonan sedemikian telah dipermudahkan.

Semakan bagi struktur denda bagi transaksi perniagaan langsung yang gagal

Dengan mengambil kira pandangan bahawa struktur denda sebelum ini adalah terlalu tinggi bagi syarikat ahli, Suruhanjaya meluluskan struktur denda BSKL yang disemak semula bagi transaksi perniagaan langsung yang gagal, daripada kadar sama rata 5% berdasarkan nilai transaksi bagi transaksi perniagaan langsung yang gagal (sehingga denda maksimum RM250,000) kepada 2-5% berdasarkan kepada nilai bagi setiap transaksi. Jawatankuasa Kecil Disiplin BSKL diberikan kuasa penuh untuk menentukan denda bagi salah laku membabitkan transaksi melebihi RM3 juta bagi setiap transaksi perniagaan langsung yang gagal.

Nisbah kecukupan modal

Suruhanjaya meluluskan pekeliling ahli BSKL untuk menguatkuasakan rangka kerja nisbah kecukupan modal sebagaimana dikehendaki dalam Bahagian 5 Bab 9 *KLSE Business Rules*, iaitu keperluan risiko tambahan bagi pembiayaan margin yang diperkenalkan dalam rangka kerja nisbah kecukupan modal pada tahun 1999.

MCD

Rekod pendeposit

Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada *MCD Business Rules* bagi mewajibkan deposit jaminan minimum atau jaminan bank ditempatkan di MCD sebelum permohonan bagi mendapatkan rekod pendeposit dapat dibuat. Sekiranya penerbit tidak mempertikai atau gagal membayar dalam tempoh tarikh yang ditetapkan dalam invoice itu, MCD akan meneruskan langkah memotong

amaun tertunggak daripada deposit jaminan atau menggunakan jaminan bank satu bulan selepas amaun itu matang, mana-mana yang diterima pakai.

Pemotongan wang yang terhutang kepada penerbit/Ejen Depositori Diberi Kuasa (ADA)/Ahli Terus Diberi Kuasa (ADM) daripada fi dan caj mereka

Suruhanjaya juga meluluskan pindaan kepada peraturan MCD bagi membolehkan MCD memotong mana-mana wang yang ia terhutang kepada penerbit/ADA/ADM daripada amaun yang patut dibayar oleh penerbit/ADA/ADM kepada MCD. Ini bertujuan mendapatkan semula mana-mana hutang daripada ADA/ADM, dan untuk meminimumkan pendedahan risiko hutang MCD di masa hadapan.

Akaun dormant

Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada *MCD Business Rules* untuk membolehkan transaksi berikut dijalankan ke atas akaun dormant:

- (a) sebarang transaksi yang tidak membabitkan kemasukan debit atau kredit;
- (b) sebarang kemasukan kredit yang timbul daripada penawaran awam dan tindakan korporat; dan
- (c) sebarang kemasukan kredit yang timbul daripada kes memperoleh semula saham.

Pengeluaran sekuriti yang didepositkan

Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada *MCD Business Rules* untuk memasukkan “yang mana sebuah badan korporat digugurkan daripada senarai rasmi sesebuah bursa saham” sebagai salah satu keadaan yang membolehkan seseorang pendeposit mengeluarkan sekuriti yang telah didepositkan.

SCANS

Sistem penyelesaian institusi bagi kontrak perniagaan langsung

Suruhanjaya meluluskan pindaan kepada *SCANS Business Rules* untuk membolehkan bank kustodian tempatan dan pelabur institusi tempatan yang diperbadankan

menjelaskan kontrak perniagaan langsung mereka secara terus dengan SCANS menerusi Sistem Penyelesaian Institusi. Sebelum ini, hanya transaksi di pasaran dibenarkan menggunakan Sistem Penyelesaian Institusi.

Garis panduan dalaman SCANS berhubung kontrak perniagaan langsung

Suruhanjaya meluluskan garis panduan dalaman SCANS berhubung permohonan untuk menyelesaikan kontrak perniagaan langsung selain daripada tunai yang dibayar ke dalam akaun penyelesaian kewangan Ahli Penjelasan Dagangan yang menjual.

PENGAUDITAN DAN PEMERIKSAAN

Selaras dengan seksyen 15 SCA, Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menggalakkan dan mempromosikan pengawalseliaan sendiri bagi institusi pasaran dalam industri broker saham dan broker niaga

hadapan. Institusi pasaran, iaitu, bursa, rumah penjelasan dan depository pusat, sebagai pengawal selia barisan hadapan (FLR), mempunyai kuasa mengikut peraturan mereka untuk menjalankan pemeriksaan/pengauditan berkala ke atas ahli mereka, selaras dengan pelan pengauditan mereka atau ketika dan bila keadaan memerlukan. FLR akan mengemukakan kepada Suruhanjaya satu salinan laporan pemeriksaan/pengauditan itu, dan tindakan, jika ada, diambil ke atas ahli. FLR boleh mengambil tindakan disiplin terhadap ahlinya kerana pelanggaran terhadap peraturan perniagaan mereka masing-masing. Bagaimanapun, sekiranya ahli mereka melanggar peruntukan undang-undang sekuriti atau undang-undang lain, FLR akan merujuk perkara itu kepada Suruhanjaya untuk tindakan selanjutnya.

Pada tahun 2001, Suruhanjaya meneliti sejumlah 95 laporan pemeriksaan/pengauditan daripada pelbagai FLR (Jadual 19 dan 20).

Jadual 19

Laporan Pemeriksaan/Pengauditan yang Dikemukakan oleh FLR (Pasaran Ekuiti) untuk Semakan pada Tahun 2001

Laporan Pemeriksaan/Pengauditan	Matlamat Pemeriksaan/Pengauditan	Bilangan
Pengauditan oleh BSKL:		
• Pemeriksaan/pengauditan rutin	Untuk memastikan pematuhan syarikat ahli terhadap undang-undang sekuriti, <i>KLSE Business Rules</i> dan pekeliling ahli, serta dasar dan prosedur dalaman syarikat ahli itu sendiri.	14
• Pemeriksaan/pengauditan rutin mengenai operasi CDS	Untuk memastikan pematuhan syarikat ahli terhadap <i>MCD Business Rules</i> , prosedur, pekeliling dan garis panduan.	16
• Pemeriksaan Pematuhan/pengauditan IT	Untuk memastikan pematuhan syarikat ahli dengan <i>KLSE Business Rules</i> , <i>Member Company Business Premise Code</i> , <i>Member Company Information Technology Security Code</i> dan garis panduan lain yang relevan. Pemeriksaan/pengauditan itu juga mencakupi pemeriksaan/pengauditan kesediaan IT yang dijalankan ke atas pejabat-pejabat cawangan baru syarikat ahli dan bagi permohonan UB.	25 ²
Jumlah		55

² Termasuk laporan pemeriksaan/pengauditan kesediaan cawangan (16), kesediaan IT (6), pemulihan bencana (1) dan kesediaan broker universal (2).

Jadual 20

Laporan Pemeriksaan/Pengauditan yang Dikemukakan oleh FLR (Pasaran Derivatif) untuk Semakan pada Tahun 2001

Laporan Pemeriksaan/ Pengauditan	Matlamat Pemeriksaan/Pengauditan	Bilangan
<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan/pengauditan rutin: <ul style="list-style-type: none"> – Bursa (KLOFFE/COMMEX/ MDEX) 	Untuk memastikan pematuhan ahli terhadap <i>Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1983 (FIA)</i> , peraturan perniagaan bursa dan polisi dan prosedur dalaman ahli.	KLOFFE: 11 COMMEX: 4 MDEX: 3
<ul style="list-style-type: none"> – Rumah penjelasan (MDCH) 	Untuk menilai sistem kawalan dalaman dan ketepatan penyata kewangan bulanan.	13
<ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan kesediaan dwi pelesenan 	Untuk mengukur kesediaan broker dalam melaksanakan aktiviti dwi pelesenan.	9
Jumlah		40

PERANTARA PASARAN

Suruhanjaya bertanggungjawab dalam memberi lesen dan menyelia semua pihak yang berlesen bawah undang-undang sekuriti dan niaga hadapan. Skopnya meliputi peniaga, wakil peniaga, penasihat pelaburan, wakil pelaburan, pengurus dana, wakil pengurus dana, broker niaga hadapan, wakil broker niaga hadapan, pengurus dana niaga hadapan dan wakil pengurus dana niaga hadapan. Jabatan Pelesenan Suruhanjaya, yang telah dianugerahkan Pensijilan Standard Pengurusan ISO 9002:1994, memainkan peranan penting dalam memastikan proses pelesenan yang efisien dan perantara pasaran berlesen cekap dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai.

LESEN YANG DIKELUARKAN DAN DIPERBAHARUI

(Jadual 21-27)

Pada tahun 2001, Suruhanjaya meluluskan 820 lesen baru kepada pelbagai perantara pasaran. Ini bermakna 88.8% daripada 923 permohonan bagi lesen baru yang sedia ada diluluskan pada tahun 2001. Sebanyak 923 permohonan lesen baru yang sedia ada itu terdiri daripada 812 yang diterima pada tahun 2001 dan 111 yang dibawa ke hadapan dari tahun 2000. Secara perbandingan, jumlah lesen baru yang dikeluarkan pada tahun 2000, yang berjumlah 1,304 lesen, jelas adalah lebih tinggi. Namun begitu, perlu dinyatakan bahawa walaupun jumlah lesen baru yang diluluskan bawah SIA menurun daripada 1,138 pada tahun 2000 kepada 571 pada tahun 2001, jumlah lesen baru yang dikeluarkan bawah FIA meningkat daripada 166 pada tahun 2000 kepada 249 pada tahun 2001.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kebanyakan lesen baru yang diluluskan pada tahun 2001 adalah kepada wakil peniaga. Bagaimanapun, jumlah pada tahun 2001 jelas lebih rendah berbanding pada tahun 2000 yang mana 414 lesen wakil peniaga baru dikeluarkan pada tahun 2001 berbanding 1,003 pada tahun 2000.

Selaras dengan langkah menggabungkan industri broker saham, jumlah syarikat broker saham berkurangan daripada 64 pada akhir tahun 2000 kepada 48 pada akhir tahun 2001. Artikel pada muka surat 2-6¹ menyediakan satu laporan kemajuan mengenai langkah penggabungan industri broker saham, setakat akhir tahun 2001.

Pada tahun 2001, Suruhanjaya juga menerima 8,416 permohonan (2000: 8,371 permohonan) bagi pembaharuan lesen. Daripada jumlah ini, 7,547 lesen bawah SIA dan 593 bawah FIA telah diperbaharui.

Terdapat peningkatan lebih dua kali ganda dalam jumlah perantara pasaran yang menghentikan operasi pada tahun 2001 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2001, 1,469 perantara pasaran meninggalkan industri itu manakala hanya 576 berbuat demikian pada tahun 2000. Kebanyakan daripada mereka yang meninggalkan industri itu pada tahun 2001 terdiri daripada wakil peniaga (1,078) dan wakil broker niaga hadapan (263). Trend ini menggambarkan keadaan pasaran yang pada amnya lemah dan persekitaran ekonomi yang lesu.

Jumlah perantara pasaran modal berlesen/berdaftar² setakat akhir tahun 2001 adalah seperti berikut:

- Peniaga – 48
- Wakil peniaga – 7,344

¹ Bawah bab “Maju ke Hadapan Dengan Pelan Induk Pasaran Modal”.

² Ahli tempatan didaftarkan dengan Suruhanjaya tetapi tidak diberikan lesen.

- Penasihat pelaburan – 45
- Wakil pelaburan – 142
- Pengurus dana – 75
- Wakil pengurus dana – 231
- Broker niaga hadapan – 25
- Wakil broker niaga hadapan – 702
- Pengurus dana niaga hadapan – 11
- Wakil pengurus dana niaga hadapan – 43
- Ahli tempatan – 95


Dari segi penglibatan Bumiputera, 2,707 atau 32% perantara pasaran modal ialah Bumiputera. Ini menunjukkan penurunan 4.1% daripada jumlah untuk tahun 2000 sebanyak 2,822.

Carta 6 memberikan pecahan perantara pasaran modal Bumiputera berbanding jumlah keseluruhan perantara pasaran setakat akhir tahun 2001.

AUDIT/PEMERIKSAAN KE ATAS PERANTARA PASARAN

Suruhanjaya menjalankan pemeriksaan ke atas perantara pasaran yang bukan merupakan ahli FLR bursa. Mereka

Carta 6
Perantara Pasaran Modal Setakat Akhir 2001



ialah pengurus dana, syarikat pengurusan unit amanah dan penasihat pelaburan. Di sepanjang tahun 2001, Jabatan Pengawasan Perantara Suruhanjaya telah menjalankan pemeriksaan ke atas syarikat pengurus dana dan syarikat pengurusan unit amanah tertentu.

Matlamat pemeriksaan ke atas syarikat pengurusan dana itu adalah untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang sekuriti dan untuk membantu dalam pembangunan standard dan garis panduan yang bijak bagi industri pengurusan dana. Objektif pemeriksaan ke atas syarikat pengurusan unit amanah adalah untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang sekuriti dan *Guidelines on Unit Trust Funds*.

Suruhanjaya juga menjalankan pemeriksaan kesediaan untuk mengukur keadaan bersiap sedia syarikat perantara untuk memulakan operasi sebagai pengurus dana atau penasihat pelaburan. Pemeriksaan sedemikian dijalankan berhubung permohonan syarikat bagi mendapatkan lesen. Pada tahun 2001, Jabatan Pengawasan Perantara menjalankan pemeriksaan ke atas 12 pengurus dana dan enam penasihat pelaburan.

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001

Anti-Money Laundering Act 2001 (AMLA)³ berkuatkuasa pada tahun 2001 dan menjadi antara peristiwa penting dalam usaha Malaysia menangani aktiviti penyamaran wang (*money laundering*). Suruhanjaya menekankan perkembangan ini kepada para perantara pasaran di dialog industrinya pada bulan September 2001. Dalam hubungan ini, Suruhanjaya berhasrat mewujudkan kesedaran di kalangan perantara pasaran mengenai tanggungjawab dan obligasi mereka dengan penggabulan AMLA.

Perantara pasaran diberikan taklimat mengenai perkara berikut:

- AMLA menetapkan 122 kesalahan berdasarkan penyamaran wang yang dianggap “kesalahan serius” mengikut akta ini. Kesalahan ini termasuk menculik,

³ AMLA menggabungkan pelbagai cadangan yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan, badan antara kerajaan antarabangsa yang matlamatnya adalah untuk membangunkan dan mempromosikan polisi bagi membanteras aktiviti penyamaran wang. Badan ini telah membangunkan satu set 40 cadangan yang menetapkan rangka kerja asas bagi usaha anti-penyamaran wang, sebahagian besarnya dimasukkan ke dalam AMLA.

mencuri, peras ugut, merompak dan pemalsuan bawah *Kanun Keseksaan*. Di samping itu, beberapa kesalahan sekuriti dan niaga hadapan didefinisikan sebagai kesalahan serius mengikut AMLA. Ini termasuk perdagangan orang dalaman, manipulasi pasaran, perdagangan palsu, pembrokeran liar (*bucketing*) dan penipuan pasaran mengikut SIA dan FIA. AMLA menyediakan langkah menyeluruh bagi pencegahan, pengesanan, siasatan dan pendakwaan penyamaran wang dan rampasan harta yang diperolehi daripada aktiviti penyamaran wang.

- AMLA juga mewujudkan sebuah Agensi Perisikan Kewangan yang ditugaskan dengan fungsi menerima dan menganalisis laporan daripada institusi pelaporan dan menghantar sebarang laporan kepada agensi penguatkuasaan jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai berlaku urus niaga yang membabitkan hasil daripada aktiviti menyalahi undang-undang. Mengikut undang-undang baru itu, institusi pelaporan perlu mengenal pasti pelanggan mereka dan melaporkan urus niaga yang besar, disyaki dan luar biasa, termasuk urus niaga yang menjangkau had tertentu. Had ini akan ditetapkan mengikut Perintah Menteri. Keperluan pengenalanpastian pelanggan, penyimpanan rekod dan pelaporan urus niaga yang dianggap luar biasa kepada Agensi Perisikan Kewangan bawah AMLA bukan sahaja dikenakan terhadap institusi perbankan tetapi juga akan diperluaskan kepada perantara pasaran modal seperti broker saham, broker niaga hadapan dan pengurus dana.
- Secara amnya, AMLA memerlukan sesebuah institusi pelaporan untuk menyimpan rekod mengenai sebarang urus niaga yang membabitkan mata wang tempatan dan mana-mana mata wang asing yang melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Agensi Perisikan Kewangan. Ia juga mengenakan satu tanggungjawab ke atas institusi pelaporan agar melaporkan sebarang urus niaga yang disyaki oleh mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelaporan itu yang melibatkan hasil aktiviti yang melanggar undang-undang.

Suruhanjaya dan beberapa badan⁴ lain merupakan anggota Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan mengenai Penyamaran Wang (NCC), jawatankuasa antara agensi yang bertanggungjawab membangunkan dan menyelaraskan polisi negara mengenai aktiviti penyamaran wang. NCC bertindak sebagai badan penyelaras dalam Kumpulan Asia-Pasifik mengenai Penyamaran Wang (APG) yang merupakan sebuah badan serantau yang diwujudkan untuk memastikan penerimaan, pelaksanaan dan penguatkuasaan standard anti penyamaran wang yang ditetapkan oleh 40 cadangan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan, sebuah badan antara kerajaan antarabangsa untuk membangunkan dan menggalakkan polisi bagi memerangi penyamaran wang.

Pada tahun 2001, dari 9-12 Julai, APG telah menjalankan dan membuat kesimpulan ke atas satu penilaian bersama mengenai inisiatif Malaysia dalam memerangi penyamaran wang. Proses penilaian bersama itu ialah satu keperluan bawah keanggotaan APG, yang memerlukan sebuah negara anggota untuk dinilai berhubung keupayaannya menangani aktiviti penyamaran wang oleh penilai terpilih dari negara anggota lain.

Penilaian ini dilihat sebagai satu langkah penting untuk mempamerkan keupayaan dan komitmen Malaysia dalam menangani penyamaran wang. Para penilai ketika tempoh itu telah menemu bual semua ahli NCC. Sebagai anggota NCC, Suruhanjaya terbabit secara langsung dalam proses penilaian bersama itu.

Satu butiran terperinci laporan awal mengenai proses penilaian bersama berhubung Malaysia diedarkan kepada ahli NCC untuk mendapatkan komen pada 19 September 2001. Menurut laporan itu, para penilai berpuas hati dengan rangka kerja pengawalseliaan Malaysia dan keupayaan dalam menangani aktiviti penyamaran wang dan telah menyediakan maklum balas dan komen yang positif bagi peningkatan seterusnya.

⁴ Badan-badan ini termasuk Kementerian Kewangan (MoF), BNM, Polis Diraja Malaysia, Badan Pencegah Rasuah, Pejabat Peguam Negara, Pendaftar Syarikat, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, Agensi Narkotik Kebangsaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri.

STATISTIK UTAMA

Jadual 21

Permohonan untuk Lesen Baru bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983

	Peniaga		Wakil Peniaga		Penasihat Pelaburan		Wakil Pelaburan		Pengurus Dana		Wakil Pengurus Dana	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Permohonan baru yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	0	0	42	78	12	5	34	9	5	7	12	16
Permohonan baru yang diterima	0	2	404	981	3	18	55	103	10	3	83	73
Diluluskan	0	1	414	1,003	10	7	72	65	6	4	69	59
Ditarik balik	0	1	6	14	2	4	8	13	0	0	8	10
Ditolak	0	0	3	0	0	0	1	0	1	1	0	8
Permohonan baru yang dibawa ke tahun berikutnya	0	0	23	42	3	12	8	34	8	5	18	12

Jadual 22

Permohonan untuk Pembaharuan Lesen bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983

	Peniaga		Wakil Peniaga		Penasihat Pelaburan		Wakil Pelaburan		Pengurus Dana		Wakil Pengurus Dana	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Permohonan untuk pembaharuan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	5	5	136	243	1	2	0	5	0	2	0	0
Permohonan untuk pembaharuan yang diterima	56	64	7,201	7,040	36	31	105	78	71	70	174	164
Diluluskan	59	64	7,118	7,147	37	31	101	79	68	71	164	163
Ditarik balik	1	0	0	0	0	1	0	4	0	1	0	1
Ditolak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Permohonan untuk pembaharuan yang dibawa ke tahun hadapan	1	5	241	136	0	1	4	0	3	0	10	0

Jadual 23

Permohonan untuk Lesen Baru bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993

	Broker Niaga Hadapan		Wakil Broker Niaga Hadapan		Pengurus Dana Niaga Hadapan		Wakil Pengurus Dana Niaga Hadapan	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Permohonan baru yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	0	0	2	15	1	1	3	1
Permohonan baru yang diterima	0	0	239	139	1	2	17	21
Diluluskan	0	0	228	145	2	2	19	19
Ditarik balik	0	0	5	5	0	0	0	0
Ditolak	0	0	0	2	0	0	0	0
Permohonan baru yang dibawa ke tahun hadapan	0	0	8	2	0	1	1	3

Jadual 24

Permohonan untuk Pembaharuan Lesen bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993

	Broker Niaga Hadapan		Wakil Broker Niaga Hadapan		Pengurus Dana Niaga Hadapan		Wakil Pengurus Dana Niaga Hadapan	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Permohonan baru yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	0	0	6	0	0	0	0	0
Permohonan yang diterima untuk pembaharuan	26	33	562	612	9	7	28	15
Diluluskan	21	31	535	606	9	7	28	15
Ditarik balik	0	2	3	0	0	0	0	0
Ditolak	0	0	0	0	0	0	0	0
Permohonan untuk pembaharuan yang dibawa ke tahun hadapan	5	0	30	6	0	0	0	0

Jadual 25

Permohonan bagi Pendaftaran Ahli Tempatan

	2001	2000
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	0	7
Diterima pada tahun itu	11	7
Diluluskan	10	9
Ditarik balik	0	5
Ditolak	0	0
Dibawa ke tahun hadapan	1	0

Jadual 26

Pemberhentian Operasi dan Pembatalan Lesen bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983

	Peniaga		Wakil Peniaga		Penasihat Pelaburan		Wakil Pelaburan		Pengurus Dana		Wakil Pengurus Dana	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Berhenti operasi	12	4	1,078	465	2	5	61	40	2	1	39	30
Dibatalkan	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0

Jadual 27

Pemberhentian Operasi dan Pembatalan Lesen bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993

	Broker Niaga Hadapan		Wakil Broker Niaga Hadapan		Pengurus Dana Niaga Hadapan		Wakil Pengurus Dana Niaga Hadapan		Ahli Tempatan	
	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000
Berhenti operasi	1	7	263	24	0	0	9	0	0	15
Dibatalkan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

PENGAWASAN DAN PEMATUHAN LAPORAN KEWANGAN

Selaras dengan *Securities Industry (Compliance with Approved Accounting Standards) Regulation 1999*, Suruhanjaya menerusi Jabatan Pengawasan dan Pematuhan Laporan Kewangan, menjalankan pengawasan terhadap pematuhan PLC kepada piawaian perakaunan yang diluluskan dalam menyediakan penyata kewangan mereka. Ia juga mengawasi pematuhan PLC kepada seksyen 99D(1)(a) SIA yang memerlukan akaun tahunan yang diaudit dikemukakan dalam tempoh dua minggu selepas tarikh mesyuarat agung tahunan itu.

Pengawasan laporan kewangan PLC dilakukan secara sistematik dan reaktif, dengan tujuan mencapai laporan kewangan berkualiti yang menyediakan maklumat kewangan yang relevan dan tepat untuk pelabur dan pengguna laporan kewangan. Dalam hubungan ini, Suruhanjaya menjalankan tinjauan korporat yang rutin dan disasarkan terhadap PLC agar mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan dan keperluan laporan kewangan yang lain.

Suruhanjaya menjalankan sejumlah 367 tinjauan korporat pada tahun 2001 (2000: 413), yang terdiri daripada perkara berikut:

- 290 tinjauan korporat (berbanding 113 pada tahun 2000) mengenai pematuhan kepada piawaian perakaunan tertentu yang diluluskan dalam bidang berikut:
 - perakaunan bagi hartanah, kilang dan peralatan;
 - perakaunan bagi pelaburan;
 - pembentangan penyata kewangan;
 - penyediaan dan pembentangan penyata aliran tunai; dan
 - penzahiran pihak berkaitan.

- 69 tinjauan komprehensif dan tinjauan susulan mengenai pematuhan piawaian perakaunan dan keperluan laporan kewangan yang lain (2000: 169).

Berdasarkan tinjauan itu, Suruhanjaya mendapati tahap pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan meningkat selepas Suruhanjaya menjalankan satu tinjauan bagi sesuatu piawaian tertentu (Lihat artikel, “Kajian Semula Pematuhan Korporat: MASB 1 – Pembentangan Penyata Kewangan dan MASB 5 – Penyata Aliran Tunai”, muka surat 2-64).

Berikutan tinjauan korporat itu, Suruhanjaya mengeluarkan satu kenyataan akhbar, menekankan kekurangan dalam pelaporan dan isu-isu perakaunan yang diperhatikan semasa tinjauan itu. Matlamat kenyataan akhbar seperti itu adalah untuk mendidik dan mencetuskan kesedaran di kalangan PLC mengenai perlunya mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan. Dengan kesedaran itu, diharapkan agar PLC dapat mengatasi kelemahan itu dalam penyata kewangan mereka agar selaras dengan keperluan piawaian perakaunan yang diluluskan. Lagipun, kenyataan akhbar tersebut juga berfungsi sebagai peringatan kepada mereka yang menyediakan penyata kewangan agar sentiasa tekun dan teliti dan berperanan aktif dalam menjadikan diri mereka unsur penting dalam rejim DBR yang mana penyata kewangan yang telus, bertanggungjawab dan setanding adalah amat penting.

Selain PLC, skim amanah dan syarikat pengurusan mereka juga perlu, selaras dengan seksyen 107(4) SCA, menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mereka, agar mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan. Keperluan ini berkuatkuasa 1 Julai 2000 berikutan pindaan kepada akta itu. Sementara keperluan

itu digunakan untuk penyata kewangan skim amanah bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Julai 2000, syarikat-syarikat pengurusan sudah perlu mematuhi sebelum 1 Julai 2000 berdasarkan kepada seksyen 166A *Akta Syarikat 1965 (CA)*.

Pada suku ketiga tahun 2001, Suruhanjaya memulakan pengawasan kewangan bagi PLC yang mempunyai tadbir urus dan tatalaku korporat yang lemah. Objektif utama pengawasan itu adalah untuk memastikan tatalaku pengarah atau ketua pegawai eksekutif sebelum ini atau sekarang yang disyaki bagi syarikat awam tersenarai diteliti dan, yang mana perlu, diambil tindakan sewajarnya terhadap pelaku. Berikut langkah

pengawasan itu, Suruhanjaya telah menjalankan pemeriksaan ke atas 12 PLC.

Pada tahun 2001, Suruhanjaya terus mengawasi pematuhan syarikat awam tersenarai dengan seksyen 99D(1)(a) SIA. Walaupun Suruhanjaya mengeluarkan pekeliling am pada tahun 2000 kepada semua syarikat awam tersenarai untuk mengingatkan mereka mengenai tanggungjawab penyerahan mereka, tahap pematuhan oleh syarikat awam tersenarai masih tidak memuaskan. Sebagai langkah susulan, Suruhanjaya mengeluarkan 116 (2000: 51) peringatan dan amaran kepada syarikat terbabit pada tahun 2001.

KAJIAN SEMULA PEMATUHAN KORPORAT: MASB 1 - PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN MASB 5 - PENYATA ALIRAN TUNAI

Pengenalan

Pada tahun 2001, Suruhanjaya menjalankan satu kajian semula korporat mengenai penggunaan piawaian perakaunan yang diluluskan, iaitu MASB 1 mengenai Pembentangan Penyata Kewangan dan MASB 5 mengenai Penyata Aliran Tunai, oleh PLC dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan mereka.

Berdasarkan latar belakang, pada tahun 1999, MASB menerbitkan tujuh piawaian perakaunan yang diluluskan yang harus digunakan oleh syarikat-syarikat dalam penyediaan penyata kewangan, sebagaimana yang dikehendaki untuk disediakan atau dikemukakan mengikut undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya, BNM atau ROC. Antara piawaian yang diguna pakai pada penyata kewangan yang meliputi tempoh pada atau selepas 1 Julai 1999 ialah MASB 1 dan MASB 5.

MASB 1 menandakan perubahan dalam format laporan daripada rejim pelaporan lama mengikut Jadual Kesembilan CA. Ia menentukan asas bagi penyediaan dan pembentangan penyata kewangan serbaguna di Malaysia, yang mana ia menetapkan pertimbangan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi struktur dan keperluan minimum mereka untuk kandungan penyata kewangan itu. Sebelum penerbitan sesuatu piawaian khusus untuk mentadbir pembentangan penyata kewangan, tiga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) diterima pakai untuk digunakan oleh syarikat-syarikat Malaysia, iaitu IAS 1 mengenai Penzahiran Dasar-dasar Perakaunan, IAS 5 mengenai Maklumat yang akan Dizahirkan dalam Penyata Kewangan dan IAS 13 mengenai Pembentangan Aset Semasa dan Liabiliti Semasa.

Sementara itu, IAS mengenai penyata aliran tunai – IAS 7 mengenai Kenyataan Perubahan dalam Kedudukan Kewangan – beroperasi pada tahun 1994 dan diterima

pakai di Malaysia pada tahun 1996. Seterusnya, MASB menerima pakai piawaian yang disemak untuk penggunaan, bagi akaun dengan tahun kewangan berakhir pada atau selepas 1 September 1998. Dengan penerbitan tujuh piawaian perakaunan yang baru diluluskan oleh MASB, IAS 7 (Disemak) yang sebelum ini diterima pakai berhubung Penyata Aliran Tunai digantikan oleh MASB 5, yang konsisten dengan IAS 7 (Disemak).

Sejumlah 60 syarikat yang disenaraikan di BSKL dipilih secara rambang bagi kajian semula ini. Sampel ini mengandungi 43 syarikat Papan Utama dan 17 syarikat Papan Kedua. Memandangkan MASB 1 dan MASB 5 hanya diterima pakai bagi penyata kewangan untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 1999, kajian semula Suruhanjaya itu dijalankan bagi penyata kewangan syarikat dengan tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 2000, 31 Julai 2000 dan 31 Ogos 2000. Institusi kewangan dan syarikat lain yang ditadbir oleh *Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989* (BAFIA) dikecualikan daripada kajian semula itu.

Ringkasan Penemuan

MASB 1, secara amnya, memerlukan piawaian laporan yang lebih tinggi oleh syarikat. Dengan majoriti PLC telah mematuhi keperluan piawaian ini, kajian semula itu juga mendedahkan bahawa kadar ketakpatuhan bagi MASB 1 adalah juga tinggi. Suruhanjaya melihat bahawa syarikat-syarikat ini masih menggunakan amalan lampau dalam penyediaan penyata kewangan mereka, walaupun amalan seperti itu bercanggah dengan keperluan piawaian itu. Kurangnya pemahaman mengenai prinsip dan piawaian baru itu mungkin menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan pematuhan itu.

Dalam pada itu, mengenai pematuhan MASB 5, diperhatikan bahawa isu-isu yang dikenal pasti adalah

sama seperti isu-isu yang dinyatakan dalam kajian semula sebelum ini yang dijalankan oleh Suruhanjaya berhubung pematuhan korporat dengan IAS 7 (Semakan). Secara keseluruhan, dapat dilihat tahap pematuhan berhubung MASB 5 dan IAS 7 (Semakan) telah meningkat.

Bentuk utama ketakpatuhan berhubung piawaian ini termasuk:

MASB 1

- **Set penyata kewangan yang tidak lengkap**

Tidak ada penyata berasingan mengenai perubahan dalam penyata ekuiti dan aliran tunai dalam penyata kewangan syarikat induk

Satu set lengkap penyata kewangan harus disertai kunci kira-kira, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan dasar-dasar perakaunan dan nota penjelasan. Keperluan ini digunapakai bagi kedua-dua set penyata kewangan disatukan dan penyata kewangan syarikat induk. Berdasarkan kajian semula itu, Suruhanjaya melihat bahawa syarikat-syarikat masih gagal membentangkan penyata perubahan dalam penyata ekuiti dan aliran tunai dalam penyata kewangan syarikat induk. Sebaliknya, mereka membentangkan butiran ini bersama-sama penyata kewangan kumpulan atau disatukan.

- **Ketakpatuhan berhubung maklumat yang perlu dibentangkan sama ada pada lembaranimbangan atau dalam nota**

Tiada penzahiran butiran minimum pada lembaranimbangan

Piawaian itu mensyaratkan butiran minimum yang perlu dibentangkan pada kunci kira-kira. Berdasarkan kajian semula itu, 20% sampel yang dikaji semula itu telah mengecualikan butiran tertentu daripada kunci kira-kira. Kesilapan biasa yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini termasuk

pengecualian inventori, liabiliti berkaitan faedah bukan semasa dan kegagalan membentangkan peruntukan secara berasingan.

Butiran dalam kunci kira-kira tidak dibentangkan mengikut fungsi atau sifat yang sama

Setiap butiran minimum pada kunci kira-kira sebagaimana diperlukan oleh piawaian adalah berbeza dari segi sifat dan fungsi dan oleh itu, harus dibentangkan berasingan pada kunci kira-kira. Berdasarkan kajian semula yang dijalankan, 33 syarikat atau 55% sampel membentangkan subklasifikasi beberapa butiran berdasarkan kepada sifat dan fungsi yang tidak serupa. Sebagai contoh, 29 syarikat memasukkan baki tertunggak dengan anak syarikat dan sekutu mereka dalam kos pelaburan dalam syarikat itu masing-masing. Pada dasarnya, amaun yang patut diberikan daripada dan patut diberikan kepada anak syarikat dan syarikat sekutu tidak harus dimasukkan ke dalam kos pelaburan dalam syarikat-syarikat ini. Berbeza dengan kos pelaburan yang lazimnya berbentuk modal dan yang mana aliran keluar tunai tidak boleh ditebus, baki antara syarikat termasuk pendahuluan dan kadang kalaimbangan dagangan, yang patut diselesaikan dalam tempoh 12 bulan.

Tiada penzahiran berhubung liabiliti jangka panjang

Berhubung liabiliti jangka panjang, piawaian memerlukan sesebuah syarikat untuk menzahirkan mengikut cara mencatatkan ringkasan kadar faedah, syarat pembayaran semula, perjanjian, subordinat, ciri-ciri penukaran dan amaun premium atau diskaun yang tidak dilunaskan. Daripada 46 syarikat yang tidak mempunyai liabiliti faedah bukan semasa, 33% tidak menyatakan syarat-syarat pembayaran. Dalam pada itu, pematuhan sepenuhnya dilihat dari segi penzahiran kadar faedah.

Berhubung maklumat mengenai perjanjian, Suruhanjaya melihat tahap penzahiran yang berbeza oleh syarikat-syarikat. Hanya sebuah syarikat dilihat dengan jelas menzahirkan maklumat mengenai

perjanjian, menyatakan tindakan yang akan atau tidak akan dilakukan dan hak peminjam mengikut perubahan dalam keadaan kewangan dan perkara lain seperti perubahan dalam pemilikan, struktur modal dan/atau pembinaan semula atau percantuman yang membabitkan syarikat. Di samping itu, kebanyakan syarikat mentafsir penzahiran mengenai perjanjian sebagai satu penzahiran berhubung sifat sekuriti atau jaminan yang disertakan kepada liabiliti.

Tiada penzahiran berhubung saham yang dikhaskan bagi penerbitan mengikut kontrak opsyen dan jualan, termasuk syarat dan amaun

Mengenai pematuhan dengan penzahiran bagi maklumat di atas, kajian semula menunjukkan bahawa daripada sejumlah 30 syarikat dengan kontrak opsyen dan jualan, hanya 10 menzahirkan sepenuhnya maklumat yang diperlukan. Dua puluh lagi syarikat sama ada gagal menyediakan maklumat itu dalam penyata kewangan atau tidak menyatakan maklumat secukupnya, yang mana hanya amaun saham tampak jelas. Dalam kebanyakan kes tiada penzahiran, Suruhanjaya melihat wujud kecenderungan bagi syarikat-syarikat untuk tidak menyediakan penzahiran yang diperlukan, atau membuat sebarang rujukan dalam penyata kewangan, sedangkan maklumat yang sama disediakan dalam laporan pengarah-pengarah.

Tiada penzahiran berhubung sifat dan tujuan rizab
Piawaian itu mensyaratkan syarikat menjelaskan sifat dan tujuan setiap rizab dalam ekuiti pemilik. Rizab tertentu dengan nama atau sifat khusus jelas dengan sendirinya dan tidak perlu diterangkan dalam penyata kewangan. Contoh rizab seumpama itu ialah premium saham, rizab penilaian semula, rizab terjemahan pertukaran, keuntungan atau kerugian yang dikekalkan, rizab percantuman, rizab penebusan modal dan pemodal bagi terbitan bonus. Di samping itu, sebahagian rizab seperti rizab pemupukan dan penggantian dan rizab berkanun atau dana rizab tidak perlu dijelaskan dengan lanjut kerana mereka adalah sama dan boleh dikenali

mengikut industri tertentu. Bagaimanapun, beberapa butiran dengan penjelasan yang umum seperti rizab modal, rizab pendapatan, rizab am dan rizab lain memerlukan butiran lanjut bagi pemahaman butiran tersebut dengan lebih baik oleh pembaca penyata kewangan itu.

Suruhanjaya juga memerhatikan kemasukan rizab berkenaan penyatuan dalam ekuiti pemilik. Berikutan ketiadaan satu piawaian perakaunan yang diluluskan atau pengumuman lain untuk menangani klasifikasi butiran ini, pembentangan seperti itu sudah menjadi isu yang berlarutan. Isu ini akan diselesaikan apabila MASB ED 28 berhubung muhibah (*goodwill*), yang memerlukan rizab ke atas penyatuan atau muhibah negatif dibentangkan sebagai pemotongan daripada aset syarikat yang melaporkan, menjadi satu piawaian.

Ketepatan berhubung klasifikasi aset dan liabiliti semasa

Secara keseluruhan, aset semasa yang dilaporkan oleh syarikat-syarikat dalam sampel itu dibuat selaras dengan perenggan 57 piawaian. Namun begitu, kajian semula mendedahkan bahawa walaupun hanya tunai atau bersamaan tunai, yang tidak terhad dalam penggunaannya, perlu diklasifikasikan sebagai aset semasa, tetapi tunai terhad dan bersamaan tunai perlu juga dimasukkan oleh syarikat-syarikat yang mempunyai butiran itu. Di samping itu, 35 aset semasa syarikat didasarkan kepada kriteria yang tidak dinyatakan oleh piawaian, sepertiimbangan antara syarikat atau antara pihak yang tidak mempunyai tanda bahawa mereka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan berikutnya dan butiran yang dijangka mungkin direalisasi atau dipegang untuk tempoh lebih daripada 12 bulan. Walaupun syarikat-syarikat ini mungkin mempunyai kriteria khusus bagi mengklasifikasikan butiran ini, maklumat yang relevan harus disediakan bagi memberikan gambaran yang lebih baik mengenai butiran ini bagi faedah pembaca penyata kewangan itu.

Begitu juga, beberapa klasifikasi mengenai liabiliti semasa oleh 38 syarikat tidak bertepatan dengan piawaian berkenaan. Sebahagian besar syarikat ini memasukkanimbangan antara syarikat dan pihak berkaitan yang mana syarat pembayarannya tidak dinyatakan dan sifatnya tidak diketahui. Namun begitu, piawaian itu membenarkan sebahagian daripada liabiliti yang sepatutnya dijelaskan selepas lebih 12 bulan untuk diklasifikasikan sebagai semasa, jika ia menjadi sebahagian daripada modal kerja yang digunakan dalam kitaran operasi biasa. Di samping itu, kajian semula juga melihat kewujudan liabiliti yang mempunyai faedah jangka panjang yang sepatutnya dijelaskan dalam tempoh 12 bulan tetapi dikekalkan sebagai sebahagian daripada liabiliti bukan semasa dalam akaun dua buah syarikat. Bagaimanapun, satu daripada syarikat itu tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh piawaian bagi klasifikasi sedemikian.

- **Butiran minimum yang tidak dibentangkan pada penyata pendapatan**

Tiada penzahiran pencapaian operasi dan kos pembiayaan

Sebagai tahap minimum, piawaian itu memerlukan beberapa butiran dibentangkan pada penyata pendapatan itu. Semua syarikat dalam sampel itu, kecuali tiga syarikat, telah membentangkan kesemua butiran sebagaimana diperlukan. Daripada tiga syarikat itu, dua tidak menyatakan kos pembiayaan mereka dalam penyata pendapatan. Satu daripada mereka juga tidak membentangkan secara berasingan pencapaian operasi dalam penyata pendapatannya. Walaupun jumlah yang tidak mematuhi piawaian itu kecil, isu itu masih dianggap penting.

- **Pembentangan yang tidak sesuai mengenai penyata pendapatan**

Kemasukan butiran yang hanya perlu ditunjukkan dalam penyata mengenai perubahan dalam ekuiti

Semua syarikat dalam sampel itu memasukkan butiran tambahan pada penyata pendapatan, sama ada untuk memenuhi keperluan MASB 1 dan piawaian perakaunan yang lain atau sebaliknya. Bagaimanapun, 33 syarikat, dalam proses mereka menyediakan butiran tambahan itu, telah secara tidak wajar membentangkan butiran yang berkaitan pergerakan dalam ekuiti dan hanya perlu dibentangkan dalam penyata mengenai perubahan dalam ekuiti. Syarikat-syarikat ini terus menerima pakai format terdahulu bagi pembentangan akaun keuntungan dan kerugian, yang mana butiran ekuiti seperti keuntungan praperolehan, dividen dan keuntungan yang dikekalkan dibawa ke hadapan, dimasukkan walaupun amalan itu bercanggah dengan keperluan piawaian.

Analisis perbelanjaan menggunakan gabungan klasifikasi jenis dan fungsi perbelanjaan

Sesebuah syarikat perlu membentangkan, sama ada pada penyata pendapatan atau dalam nota, satu analisis perbelanjaan menggunakan klasifikasi berdasarkan sama ada jenis perbelanjaan atau fungsi mereka dalam syarikat. Kajian semula itu menunjukkan 15 syarikat membentangkan analisis mereka berdasarkan kepada jenis perbelanjaan dan 23 lagi berdasarkan fungsi mereka. Dua puluh dua syarikat lagi dilihat menggunakan klasifikasi berdasarkan kepada kedua-dua jenis dan fungsi perbelanjaan. Gabungan asas ini mungkin disebabkan oleh butiran tambahan yang dibentangkan selain daripada butiran minimum yang dinyatakan oleh piawaian. Sebagai contoh, walaupun 20 syarikat berusaha membentangkan analisis berdasarkan kepada fungsi, kewujudan

butiran lain yang dibentangkan berdasarkan jenis mereka seperti keuntungan atau kerugian ke atas pelunasan sesebuah anak syarikat dan kerugian tukaran ke atas mata wang asing, juga diambil kira.

- **Pembentangan yang tidak sesuai bagi penyata perubahan dalam ekuiti**

Tiada jumlah kecil bagi keuntungan dan kerugian yang tidak diperakui dalam penyata pendapatan

Perenggan 86 piawaian itu memerlukan penzahiran butiran pendapatan dan perbelanjaan, keuntungan atau kerugian yang perlu diperakui secara langsung dalam ekuiti, dan jumlah butiran-butiran ini. Daripada 37 syarikat dengan butiran sedemikian dalam penyata kewangan mereka, 16 gagal membentangkan jumlah butiran-butiran itu.

- **Pelanggaran peruntukan agregat dan pengimbangan**

Imbangan bersih antara syarikat dan imbangan bersih syarikat bersekutu

Piawaian itu tidak membenarkan pengimbangan aset dan liabiliti melainkan diperlukan atau diizinkan oleh satu lagi Piawaian MASB. Bertentangan dengan perkara ini, 18 syarikat telah mengimbangi aset tertentu berbanding liabiliti. Dalam kebanyakan kes, jumlah yang diperlu dibayar kepada anak syarikat dan/atau syarikat bersekutu diimbangi dengan kos pelaburan dan/atau jumlah yang diperlu dibayar oleh syarikat-syarikat ini.

Kos bersih pembiayaan

Begitu juga, 11 syarikat menyimpang daripada keperluan yang sama, yang mana perbelanjaan diimbangi dengan pendapatan selain daripada yang dibenarkan oleh piawaian. Sebagai contoh, sembilan syarikat membentangkan faedah perbelanjaan dan pendapatan sebagai kos bersih pembiayaan.

Kematangan dan pengagregatan

Piawaian itu memerlukan butiran-butiran bahan dibentangkan secara berasingan dalam penyata kewangan, sementara butiran tidak matan boleh dijumlahkan dengan amaun yang mempunyai jenis atau fungsi yang sama. Suruhanjaya melihat bahawa pelbagai butiran dalam 27 atau 45% daripada sampel penyata kewangan mempunyai matan tetapi tidak dinyatakan secara berasingan. Dalam hubungan ini, butiran itu, sama ada dalam bentuk jenis atau saiz, memerlukan penzahiran berbeza. Sebagai contoh, pemiutang lain dan/atau penghutang tidak dinyatakan secara berasingan apabila amaun itu agak ketara dalam nota yang secara perbandingan, antara lain, dengan dana pemegang saham syarikat dan/atau jumlah aset atau jumlah liabiliti. Satu lagi contoh adalah berkaitan penjumlahan imbangan yang agak besar oleh anak syarikat, dengan kos pelaburan walaupun ini berbeza dari segi jenis dan fungsi.

MASB 5

- **Dasar perakaunan yang kurang jelas mengenai ketentuan komponen tunai dan bersamaan tunai**

Ketepatan berhubung penzahiran dasar perakaunan

Berikutan pelbagai amalan pengurusan tunai dan peraturan perbankan, piawaian itu memperuntukkan bahawa sesebuah syarikat menyatakan polisi yang ia terima pakai dalam menentukan komposisi tunai dan bersamaan tunai. Walaupun Suruhanjaya melihat terdapat kemajuan pematuhan dengan keperluan ini berbanding kajian semula terawal yang dijalankan berhubung IAS 7 (Semakan), perlu dinyatakan bahawa 26 atau 43% sampel itu tidak mematuhi keperluan ini, yang merangkumi ketiadaan penzahiran kepada penzahiran yang tidak mencukupi berhubung polisi perakaunan.

- **Pembentangan salah dan tidak sesuai bagi aktiviti kendalian, pelaburan dan pembiayaan tertentu**

Aktiviti pelaburan dan pembiayaan dizahirkan sebagai bersih dalam penyata aliran tunai

Kecuali bagi keadaan tertentu yang dibenarkan dalam piawaian, sesebuah syarikat perlu melaporkan secara berasingan kelas-kelas utama penerimaan dan pembayaran tunai kasar yang timbul daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Kajian semula itu mendedahkan bahawa 17% syarikat membentangkan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan sebagai bersih pada peringkat kumpulan dan 20% lagi membentangkannya di peringkat induk. Bagaimanapun, terdapat ketidaktekalan dalam pembentangan aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan dalam satu daripada syarikat yang dikaji semula yang mana, dalam penyata aliran tunai kumpulan, peminjaman bank dibentangkan pada peringkat kasar manakala butiran yang sama dibentangkan sebagai bersih dalam penyata kewangan induk.

Aktiviti bukan pembiayaan dibentangkan sebagai aktiviti pembiayaan

Piawaian itu mendefinisikan aktiviti pembiayaan sebagai aktiviti yang mengakibatkan perubahan dalam saiz dan komposisi modal ekuiti dan peminjaman syarikat. Dalam hubungan ini, sembilan syarikat atau 16% memasukkan aktiviti aliran tunai bukan pembiayaan ke dalam aktiviti pembiayaan. Butiran-butiran ini termasuk hasil daripada pemiutang sewa beli, peningkatan dalam modal melalui terbitan bonus, faedah bukan perbankan yang diterima dan deposit yang ditanda sebagai penebusan. Hasil daripada pemiutang sewa beli dan peningkatan dalam modal saham melalui bonus adalah jelas satu butiran bukan tunai yang harus dikecualikan daripada penyata aliran tunai.

Urus niaga antara syarikat yang sebahagian besarnya bukan berkaitan dagangan yang

dimasukkan sebagai pergerakan modal kerja atau aktiviti kendalian

Selaras dengan definisi aktiviti kendalian oleh piawaian, pelarasan bagi pergerakan dalam modal kerja pada penyata aliran tunai hanya perlu memasukkan urus niaga berkaitan dagangan. Tiga belas syarikat (22%) didapati menyelaraskan butiran modal bukan kerja mengikut kaedah tidak langsung, seperti peningkatan dalam peminjaman bank, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan tertunggak dan perbelanjaan awal dan praoperasi. Di samping itu, 30 syarikat (50%) memasukkan urus niaga bukan dagangan, seperti pinjaman dan pendahuluan kepada imbalan syarikat dan antara syarikat yang berkaitan, pada perubahan dalam modal kerja. Bagaimanapun, tidak dapat ditentukan sama ada pergerakan imbalan adalah berkaitan dagangan atau bukan dagangan memandangkan tidak ada petanda diberikan dalam penyata kewangan itu. Penemuan yang sama juga tersebar dalam penyata aliran tunai syarikat induk bagi 24 syarikat.

Tidak ada pembentangan berasingan bagi faedah dan dividen yang diterima dan/atau dibayar

Aliran tunai daripada faedah dan dividen yang diterima dan dibayar perlu dinyatakan secara berasingan dalam penyata aliran tunai. Kajian semula itu mendedahkan bahawa 10 syarikat tidak menyatakan faedah dan/atau dividen yang diterima dan/atau dibayar berasingan bagi penyata yang disatukan manakala sebuah lagi gagal berbuat demikian bagi penyata kewangan syarikat induk. Selain itu, butiran yang relevan tidak diselaraskan dengan keuntungan bersih.

Tiada kemasukan modal faedah ke dalam penyata aliran tunai

Panduan dalam piawaian menyatakan, "Jumlah amaun faedah yang dibayar semasa tempoh itu dinyatakan dalam penyata aliran tunai sama ada ia telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan atau dimodalkan..." Dua belas syarikat

dilihat mempunyai modal faedah yang mana empat atau 33% syarikat itu tidak menyatakan modal faedah sebagai faedah berbayar dalam penyata aliran tunai. Lagipun, tiga syarikat tidak mematuhi dasar mengenai modal faedah dan tidak menjelaskan butiran itu dalam penyata kewangan mereka.

Tiada penzahiran komponen anak syarikat yang diperolehi atau dilupuskan

Kajian semula itu mendedahkan bahawa daripada 24 syarikat yang mempunyai perolehan dan/atau pelupusan anak syarikat atau unit perniagaan lain semasa tahun berkenaan, 12 atau 50% tidak menyatakan atau tidak menyatakan dengan secukupnya komponen anak syarikat yang diperolehi atau dilupuskan itu. Jika dibandingkan penemuan ini dengan kajian semula Suruhanjaya sebelum ini berhubung pematuhan korporat dengan keperluan berkaitan penyata aliran tunai, terdapat hanya sedikit kemajuan berbanding 52% yang tidak mematuhi piawaian sebelum ini.

Sebaliknya, berkaitan kecukupan penzahiran komponen anak syarikat atau unit perniagaan yang diperolehi dan/atau dilupuskan, terdapat peningkatan ketara yang mana hanya 29% syarikat dengan anak syarikat atau unit perniagaan yang diperolehi dan/atau dilupuskan tidak menyatakan dengan secukupnya berbanding 47% syarikat dalam kajian semula Suruhanjaya sebelum ini.

Kemasukan urus niaga bukan tunai ke dalam penyata aliran tunai

Dalam menerima pakai kaedah tidak langsung bagi pembentangan aliran tunai daripada aktiviti kendalian, perenggan 18(b) piawaian memerlukan semua urus niaga yang bersifat bukan tunai diselaraskan dengan keuntungan atau kerugian bersih. Penemuan Suruhanjaya berkaitan pematuhan peruntukan di atas adalah seperti berikut:

– *Pelarasan butiran bukan tunai*

Daripada 55 syarikat yang menerima pakai kaedah tidak langsung itu, 32 syarikat atau 58% tidak menyelaraskan beberapa butiran bukan tunai sebagaimana diperlukan oleh piawaian. Butiran-butiran itu antara lain ialah peruntukan bagi hutang ragu, peruntukan bagi hutang ragu yang dihapus kira, hutang yang dihapus kira/atau diperolehi semula dan saham yang dihapus kira. Bagaimanapun, terdapat kemajuan berhubung pematuhan peruntukan ini yang mana sebelum ini, daripada 94 syarikat yang menerima pakai kaedah tidak langsung, 68 syarikat atau 72% tidak menyelaraskan butiran bukan tunai.

– *Pelarasan butiran pendapatan dan perbelanjaan berkaitan aktiviti pelaburan dan pembiayaan*

Berhubung penyelarasan butiran pendapatan dan perbelanjaan berkaitan aktiviti pelaburan dan pembiayaan, lapan syarikat tidak menyelaraskan butiran seperti kos pembiayaan, keuntungan ke atas pelupusan pelaburan dan pendapatan dividen ke atas keuntungan bersih dalam penyata aliran tunai.

– *Pelarasan perbezaan tukaran asing tidak terealis*

Dalam menerima pakai kaedah tidak langsung, syarikat-syarikat juga perlu menyelaraskan perbezaan tukaran asing yang tidak terealis semasa tahun berkenaan. Suruhanjaya melihat kewujudan perbezaan pertukaran dalam penyata kewangan 13 syarikat, tetapi bahagian yang terealis atau tidak terealis tidak dinyatakan. Ketiadaan penzahiran maklumat itu boleh membawa kepada tafsiran berbeza oleh pembaca penyata kewangan itu. Lagipun, syarikat-syarikat ini tidak mematuhi keperluan penzahiran bagi satu lagi piawaian MASB. Dalam pada itu, dua lagi syarikat yang menerima pakai kaedah tidak langsung itu tidak menyelaraskan perbezaan tukaran asing yang tidak terealis dalam penyata aliran tunai.

– *Hartanah, kilang dan kelengkapan yang dibeli melalui cara pajakan atau sewa beli*

Daripada segi pembelian melalui cara pajakan atau sewa beli, piawaian itu menyatakan bahawa urus niaga pelaburan dan pembiayaan yang tidak memerlukan penggunaan tunai atau bersamaan tunai harus dikecualikan daripada penyata aliran tunai. Kajian semula itu mendedahkan bahawa daripada 38 syarikat dengan hartanah, kilang dan kelengkapan yang dibeli melalui cara pajakan atau sewa beli, 28% daripada syarikat ini memasukkan butiran ini dalam penyata aliran tunai mereka. Di samping itu, urus niaga seperti itu perlu dinyatakan di tempat lain pada penyata kewangan melalui cara yang menyediakan semua maklumat yang relevan mengenai aktiviti

pelaburan dan pembiayaan. Sehubungan perkara ini, 74% syarikat dengan hartanah, kilang dan kelengkapan yang diperolehi melalui cara pajakan atau sewa beli tidak menyatakan dengan jelas amaun tunai bagi urus niaga itu. Oleh itu, pembentangan penyata kewangan mereka tidak menyediakan semua maklumat yang relevan bagi pembentangan yang jelas mengenai aktiviti pelaburan dan pembiayaan.

Ekoran kajian semula kedua-dua piawaian itu, beberapa isu berbangkit didedahkan. Suruhanjaya dan MASB akan menangani isu-isu ini agar dapat menggalakkan laporan kewangan yang berkualiti oleh PLC, terutama ke arah langkah menuju DBR.

PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan undang-undang sekuriti yang efektif menjadi agenda utama Suruhanjaya dalam memastikan hak pelabur dan integriti pasaran dipertahankan.

Dengan undang-undang sekuriti yang sedia ada, Suruhanjaya dilengkapi pelbagai kuasa penguatkuasaan yang termasuk, antara lain, kuasa untuk memulakan penyiasatan, memulakan pendakwaan jenayah dengan keizinan Pendakwa Raya, memulakan prosiding sivil serta kuasa untuk mengenakan kompaun.

Sesuatu tindakan penguatkuasaan bermula daripada aduan orang ramai atau daripada aktiviti pengawasan Suruhanjaya. Ini mungkin meliputi pembukaan kertas penyiasatan yang seterusnya membawa kepada tindakan diambil terhadap pihak yang melanggar undang-undang dalam bentuk surat amaran, kompaun atau pendakwaan di mahkamah, bergantung kepada keseriusan kesalahan itu. Carta 1 menyediakan satu gambaran keseluruhan proses penguatkuasaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya.

ADUAN

Aduan dinilai untuk menentukan sama ada wujud sebarang pelanggaran undang-undang sekuriti. Sekiranya siasatan awal mendedahkan wujud pelanggaran, aduan akan diketengahkan kepada Jabatan Penyiasatan yang mana siasatan rasmi akan dimulakan. Bagi aduan yang tidak mendedahkan sebarang pelanggaran undang-undang sekuriti, failnya akan ditutup dan pengadu akan dimaklumkan sewajarnya. Aduan yang tidak memperlihatkan pelanggaran undang-undang sekuriti tetapi kemungkinan wujud pelanggaran peraturan atau undang-undang pihak berkuasa lain akan diketengahkan

kepada pihak berkuasa berkenaan, seperti BSKL atau ROC bagi tindakan mereka selanjutnya.

Sebanyak 238 aduan baru dikemukakan kepada Unit Pengaduan pada tahun 2001 (Jadual 28). Unit itu mempunyai 399 kes pada tahun berkenaan, termasuk 161 aduan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya.

Sebanyak 33 fail aduan ditutup. Empat kertas siasatan dibuka daripada aduan-aduan ini. Baki 28 aduan dirujuk kepada pelbagai pihak, iaitu BSKL, pihak pengawalseliaan lain dan jabatan lain di Suruhanjaya.


Kebanyakan aduan yang diterima pada tahun 2001 berkaitan dengan dagangan niaga hadapan tidak sah oleh syarikat yang menyamar sebagai firma komoditi lani/dagangan indeks (111 aduan, Jadual 29). Berikutan aduan-aduan ini dan pengawasannya terhadap pasaran, Suruhanjaya menjalankan serbuan ke atas empat buah firma yang disyaki menjalankan dagangan niaga hadapan secara tidak sah.

Publisiti meluas dalam media berhubung serbuan ini telah menyedarkan orang ramai dan memberi amaran berwaspada kepada mereka agar tidak terpedaya dengan penipuan sedemikian. Suruhanjaya juga memaklumkan kepada pelabur menerusi kenyataan akhbar dengan memberi respons kepada FAQ. Ketua Unit Pengaduan ditemu bual di televisyen dalam usaha mewujudkan lebih kesedaran mengenai bahaya melabur menerusi firma komoditi lani/dagangan indeks palsu.

Aduan lain yang diterima pada tahun 2001 termasuk salah laku PLC (60), salah laku atau perlakuan terlarang dalam urus niaga sekuriti (16), salah laku oleh syarikat ahli (12)

Carta 1

Gambaran Keseluruhan Proses Penguatkuasaan



dan salah laku atau perlakuan terlarang dalam urus niaga unit amanah (10).

PENYIASATAN

Apabila sesuatu pelanggaran undang-undang sekuriti dipastikan, satu kertas siasatan akan dibuka dan siasatan rasmi dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Suruhanjaya. Terdapat 123 kertas penyiasatan pada tahun 2001, 91 daripadanya dibawa ke hadapan dari tahun 2000 dan 32 dibuka pada tahun 2001 (Jadual 30). Sebanyak 31 daripada kertas siasatan itu ditangani pada tahun 2001 manakala baki 92 dibawa ke hadapan pada tahun 2002. Jadual 31 memberi pecahan penyiasatan yang dijalankan pada tahun 2001.

Daripada 123 kertas siasatan itu, lapan kes dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan, sembilan dikompaun, satu surat amaran dikeluarkan dan 12 lagi ditutup tanpa sebarang tindakan susulan berikutan persetujuan Pendakwa Raya.

SURAT AMARAN DAN KOMPAUN

Suruhanjaya mengeluarkan dua surat amaran pada tahun 2001 (Jadual 32), satu kerana dakwaan melanggar syarat lesen wakil peniaga dan satu lagi kerana dakwaan mengurus niaga dalam sekuriti tanpa lesen.

Suruhanjaya juga mengenakan 15 kompaun pada tahun 2001, yang berjumlah kira-kira RM2 juta (Jadual 33). Kompaun paling tinggi bagi tahun 2001 dikenakan terhadap South Johore Securities Sdn. Bhd. dan C.I. Holdings Bhd. Kedua-dua syarikat masing-masing membayar kompaun RM500,000. South Johore Securities telah bersubahat dengan beberapa individu untuk berurusan dalam sekuriti tanpa lesen dan berikutan itu menyalahi seksyen 12, yang dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA. C.I. Holdings Bhd melanggar subseksyen 32(4) SCA apabila ia menjalankan satu cadangan tanpa kelulusan Suruhanjaya. Kedua-dua syarikat membayar kompaun itu.

PENDAKWAAN

Suruhanjaya menjalankan pendakwaan terhadap tujuh individu pada tahun 2001 (Jadual 34) kerana melanggar undang-undang sekuriti. Pendakwaan termasuk kesalahan menggunakan muslihat manipulasi dan mengelirukan berhubung pembelian atau penjualan sekuriti, penyerahan maklumat palsu atau mengelirukan berhubung sesuatu cadangan korporat atau jualan singkat. Kes-kes ini masih menunggu untuk dibicarakan setakat akhir tahun 2001.

Tahun 2001 juga menyaksikan sembilan individu mengaku bersalah terhadap pelbagai kesalahan. Kesalahan itu termasuk pemalsuan rekod mengikut FIA, menggunakan cara muslihat dan manipulasi dalam pembelian atau penjualan sekuriti dan jualan singkat.

STATISTIK UTAMA

Jadual 28

Status Aduan pada Akhir Tahun 2001

Status Aduan	Bilangan	
Dibawa ke hadapan dari tahun 2000		161
+ Aduan yang diterima pada tahun 2001		238
		399
<i>Ditolak:</i>		
Fail yang ditutup	33	
Dirujuk kepada BSKL	13	
Dirujuk kepada jabatan lain di Suruhanjaya	8	
Dirujuk kepada pihak berkuasa lain	7	
Kertas siasatan dibuka	4	
Kertas pertanyaan dibuka	1	
		66
Aduan yang dibawa ke tahun 2002		333

Jadual 29

Kategori Aduan yang Diterima pada Tahun 2001

Kategori	Bilangan
Salah laku atau perlakuan terlarang dalam urus niaga sekuriti	16
Salah laku dalam perdagangan kontrak niaga hadapan	2
Salah laku oleh syarikat ahli	12
Salah laku oleh wakil peniaga	9
Kehilangan skrip saham	1
Salah laku oleh PLC	60
Aduan terhadap pendaftar saham	6
Aduan terhadap rumah terbitan	2
Salah laku atau perlakuan terlarang dalam urus niaga unit amanah	10
Aduan terhadap syarikat komoditi lani/dagangan indeks	111
Aduan umum	9
Jumlah	238

Jadual 30

Status Kertas Siasatan pada Akhir Tahun 2001

Status	Bilangan
Kertas siasatan yang dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	91
Kertas siasatan dibuka pada tahun 2001	32
	123
Keputusan kertas siasatan setakat 31 Disember 2001:	
• Kes-kes dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan	8
• Kes-kes dikompaun	9
• Pengeluaran surat amaran	1
• Kes-kes dikompaun terhadap syarikat ketika seseorang individu didakwa	1
• Ditutup tanpa tindakan lanjut dengan kelulusan Pendakwa Raya	12
	31
Kertas siasatan dibawa ke tahun hadapan	92

Jadual 31

Siasatan Dimulakan pada Tahun 2001 Mengikut Pelbagai Seksyen

Jenis Kesalahan	Seksyen Kesalahan	Bilangan Kertas Siasatan
Berurus niaga tanpa lesen peniaga	12 SIA	1
Bertindak sebagai penasihat pelaburan tanpa lesen	14 SIA	1
Bertindak sebagai wakil penasihat pelaburan tanpa lesen	15 SIA	2
Melanggar syarat pelesenan	18(2) SIA	1
Tidak mematuhi peruntukan berhubung operasi akaun amanah oleh pengurus dana	47C SIA	1
Manipulasi pasaran	84 SIA	6
Menggunakan cara manipulasi dan penipuan	87A SIA	6
Dagangan dalaman	89E SIA	1
Memberi laporan palsu kepada Suruhanjaya	122B SIA	1
Melaksanakan atau menjalankan cadangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Suruhanjaya	32(4) SCA	1
Kenyataan palsu atau mengelirukan berhubung cadangan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya bagi mendapatkan kelulusan	32B SCA	3
Maklumat palsu atau mengelirukan dalam dokumen yang dikemukakan kepada Suruhanjaya	33E SCA	1
Penzahiran maklumat palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya	152(2) SCA	1
Mewujudkan pasaran niaga hadapan tidak sah	3 FIA	5
Bertindak sebagai wakil broker niaga hadapan tanpa lesen	18(1) FIA	1
Jumlah		32

Jadual 32

Surat Amaran yang Dikeluarkan pada Tahun 2001

No.	Tarikh Dikeluarkan	Syarikat/Individu	Kesalahan
1.	21 Mac	Chew Swee Ann	Subseksyen 21(2) SIA
2.	21 Mac	Wong Wee Guet	Subseksyen 21(2) SIA

Jadual 33

Kesalahan yang Dikompaun pada Tahun 2001

No.	Tarikh Kesalahan Dikompaun	Syarikat/Individu	Kesalahan	Jumlah Kompaun yang Ditawarkan (RM)
1.	1 Mac	Kain Ann @ Chua Kian Lam	Perenggan kecil 32B (1)(a)(aa) SCA	100,000
2.	2 April	Goh Yong Peoy	Subseksyen 12(1) SIA	20,000
3.	22 Mei	Chan Siew Tin	Seksyen 12 dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA	135,000
4.	22 Mei	Lee Kim Sui @ Lee Wan Yong	Seksyen 12 dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA	135,000
5.	22 Mei	Liam Chye Hock	Seksyen 12 dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA	45,000
6.	22 Mei	Loh Yok Chan @ Angeline	Seksyen 12 dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA	100,000
7.	22 Mei	South Johor Securities Sdn Bhd	Seksyen 12 dibaca bersama subseksyen 122(1) SIA	500,000
8.	11 Julai	C.I. Holdings Bhd	Subseksyen 32(4) SCA	500,000
9.	13 Ogos	Tun Masri Abu Bakar	Seksyen 18 FIA	10,000
10.	28 Ogos	HLG Securities Sdn Bhd	Subseksyen 18(2) SIA	80,000
11.	5 Oktober	JetFM Sdn Bhd	Subseksyen 12(1) SIA	20,000
12.	5 Oktober	Jupiter Securities Sdn Bhd	Subseksyen 18(2) SIA	20,000
13.	15 Oktober	See Chee Beaw	Subseksyen 32(6) SCA	100,000
14.	15 Oktober	See Cheng Siang	Subseksyen 32(6) SCA	100,000
15.	15 Oktober	Dr. Hoo Kee Ping	Subseksyen 14(1) SIA	10,000

Jadual 34

Kes-kes yang Dihadapkan pada Tahun 2001 dan Menunggu Perbicaraan

No.	Tarikh Tertuduh Dihadapkan	Tertuduh	Kesalahan
1.	17 Januari	Mohd Tahir A. Rahman	Perenggan 41(1)(a) SIA dibaca bersama subseksyen 122C(c) SIA
2.	8 Februari	Tan Hock Keng	Subseksyen 32B(3) SCA
3.	22 Februari	Chua Peng Len ¹ Gwi Chin Fatt Yong Tiam Yoon	Subseksyen 32(6) SCA
		Chua Peng Len ¹	Sub perenggan 32B(1)(a)(aa) SCA
4.	16 Mac	Tan Sri Datuk Dr. Mohan a/l M. K. Swami	Subseksyen 87A(b) SIA Sub perenggan 32B(1)(a)(aa) SCA 1993
	21 Mac	Gomathi @ Usha Nathan a/p A. Vaidyanathan	Subseksyen 87A(b) SIA dibaca bersama subseksyen 122C(c) SIA 1983
5.	15 Mei	Gan Kok Beng	Sub perenggan 32B(1)(a)(aa) SCA Subseksyen 122B(b) SIA
		How Yok Bee	Subseksyen 32B(3) SCA
6.	13 September	Tan Seng Chye	Seksyen 22 SIA
7.	19 November	Chan Wan Kee	Perenggan 41(1)(a) SIA

Jadual 35

Kes-kes Diselesaikan pada Tahun 2001

No.	Tarikh Tertuduh Didakwa	Syarikat	Kesalahan	Keputusan
1.	7 Julai 2000	Yeoh Onn Chye	Perenggan 87(1)(a) FIA dibaca bersama seksyen 109 <i>Kanun Keseksaan</i>	Mengaku bersalah pada 15 Januari 2001. Didenda RM80,000 atau 18 bulan penjara.
		Woon Siang Tsao	Perenggan 87(1)(a) FIA	Mengaku bersalah pada 16 Januari 2001. Didenda RM100,000 atau 18 bulan penjara.
2.	20 Mac 2000	Ashari Bin Rahmat Safiruri Idham Firdaus Lee Han Kong Tan Tiam Lay	Subseksyen 87A(b) SIA dibaca bersama seksyen 34 <i>Kanun Keseksaan</i> dan boleh dihukum mengikut seksyen 91 SIA	Tertuduh kedua mengaku bersalah pada 31 Januari 2001 dan dijatuhkan hukuman penjara 30 bulan berkuat kuasa tarikh tangkapan, pada 20 Mac 1999. Kes terhadap tertuduh lain masih berjalan.

¹ Chua Peng Len dituduh bersama Gwi Chin Fatt dan Yong Tiam Yoon. Chua mengaku bersalah bagi tuduhan pertama manakala tuduhan kedua diambil kira ketika hukuman diputuskan (lihat Jadual 34). Kes terhadap dua tertuduh lain belum selesai.

Jadual 35 (bersambung)

No.	Tarikh Tertuduh Didakwa	Syarikat	Kesalahan	Keputusan
3.	24 Julai 2000	Safaruddin Johar	Perenggan 41 (1)(a) SIA – dua tuduhan membabitkan 20 lot saham Transocean Holdings Bhd.	Mengaku bersalah pada 11 April 2001 kepada tuduhan pertama manakala tuduhan kedua diambil kira ketika hukuman diputuskan. Didenda RM40,000 atau 18 bulan penjara.
4.	5 Januari 2001	Lee Aik Chong	Subseksyen 32(6) SCA	Mengaku bersalah pada 18 April 2001 kepada tuduhan kedua manakala tuduhan pertama diambil kira ketika hukuman diputuskan. Didenda RM400,000 atau dua tahun penjara.
5.	20 November 1996	Chua Seng Huat	Seksyen 89 & 90 SIA – dua tuduhan	Mengaku bersalah pada 20 Jun 2001 kepada tuduhan kedua manakala tuduhan pertama diambil kira ketika hukuman diputuskan. Didenda RM1.2 juta atau penjara satu tahun.
6.	24 Julai 1999	Ishak Bin Ismail	Sub perenggan 32B(1)(a)(aa) SCA	Mengaku bersalah pada 23 Ogos 2001. Didenda RM400,000 atau enam bulan penjara.
7.	22 Februari 2001	Chua Peng Len	Subseksyen 32(6) SCA Sub perenggan 32B(1)(aa) SCA	Chua Peng Len mengaku bersalah kepada tuduhan pertama manakala tuduhan kedua diambil kira ketika hukuman diputuskan pada 17 September 2001. Beliau didenda RM250,000 atau enam bulan penjara.
8.	31 Mac 2001	Soo Chee Mun Chan Swee Foo	Subseksyen 3(1) FIA Subseksyen 3(1) FIA	Tertuduh pertama mengaku bersalah pada 5 Disember 2001. Mahkamah mensabitkan kesalahan dan menghukum Soo Chee Mun dengan hukuman dua tahun penjara dan denda RM500,000 atau dua tahun penjara. Pendakwa menarik balik pertuduhan terhadap Chan Swee Foo.

PENDIDIKAN DAN LATIHAN

SIDC, bahagian latihan dan pendidikan Suruhanjaya, diwujudkan pada Julai 1994 untuk menggalakkan pendidikan dan penyelidikan dalam pembangunan pasaran modal Malaysia.

SIDC memenuhi satu cadangan penting CMP dalam memudahcarakan pewujudan profesional mahir bagi pasaran modal dengan menggalakkan pembelajaran berterusan dan meningkatkan kemahiran semua peserta pasaran, termasuk pengawal selia, perantara berlesen, pengarah syarikat tersenarai, mahasiswa dan pensyarah universiti. Secara khusus, ia memenuhi objektifnya dengan menjalankan fungsi berikut:

- Membangunkan dan mentadbir peperiksaan pelesenan bagi industri itu;
- Mentadbir program CPE bagi perantara berlesen;
- Meningkatkan profesionalisme dan kemahiran perantara pasaran;
- Mendidik pelabur menerusi penyertaan dalam pameran bergerak, memberi ceramah kepada pelbagai kumpulan masyarakat, menganjurkan bengkel dan seminar bagi orang ramai;
- Mendidik kumpulan sasaran yang khusus seperti pengarah syarikat tersenarai, badan kehakiman, pengawal selia bank dan pegawai kerajaan;
- Menggalakkan penyertaan Bumiputera dengan meningkatkan kemahiran mereka;
- Memudahcarakan latihan kakitangan Suruhanjaya untuk meningkatkan kemahiran;
- Menyediakan latihan bagi pengawal selia pasaran baru muncul;
- Mendidik orang ramai dan perantara pasaran menerusi penerbitan bercetak dan elektronik;
- Menggalakkan penyelidikan mengenai pasaran modal di kalangan universiti;
- Menyediakan perpustakaan bertaraf dunia bagi maklumat mengenai pasaran modal; dan
- Mengendali pusat maklumat sehenti yang menemui orang ramai dan menyediakan maklumat mengenai semua peperiksaan, program latihan dan penerbitan.

PEPERIKSAAN PELESENAN

Pada tahun 2001, SIDC menjalankan sejumlah 160 peperiksaan bagi 11 modul pelesenan untuk memudahcarakan satu daripada keperluan wajib bagi perantara pelesenan. Sejumlah 4,462 orang calon menduduki peperiksaan itu yang terdiri daripada 3,183 calon awam dan 1,279 pelajar universiti. Sejumlah 2,358 berjaya dalam peperiksaan ini yang mana 1,798 ialah calon awam dan 560 pelajar universiti. Peperiksaan itu diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu (Jadual 36 dan 37).

Jadual 36

Peperiksaan Pelesenan untuk Calon Awam pada Tahun 2001

Peperiksaan	Jumlah Peperiksaan	Bilangan Calon*
Module 1: Regulations	13	334
Module 2: Futures	13	345
Module 3: Options	13	327
Module 4: KLOFFE	5	207
Module 5: COMMEX	2	25
Module 6: Malaysian Stock Market and Securities Law	21	656
Module 7: Financial Statement Analysis and Asset Valuation	21	572
Module 8: MESDAQ	14	38
Module 9: Funds Management Regulation	11	285
Module 10: Asset and Funds Management	11	285
Module 13: MDEX Business Rules	6	109
Jumlah	130	3,183

* Jumlah itu termasuk calon yang menduduki pelbagai peperiksaan dan calon yang menduduki semua peperiksaan

Jadual 37

Peperiksaan Pelesenan untuk Pelajar Universiti pada Tahun 2001

Peperiksaan	Jumlah Peperiksaan	Bilangan Calon*
Module 1: Regulations	7	299
Module 2: Futures	7	299
Module 3: Options	7	300
Module 4: KLOFFE	3	144
Module 5: COMMEX	2	82
Module 13: MDEX Business Rules	4	155
Jumlah	30	1,279

* Jumlah itu termasuk calon yang menduduki pelbagai peperiksaan

Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh SIDC pada tahun 2001 berhubung peperiksaan pelesenan adalah seperti berikut:

- Memperkemas peperiksaan pelesenan – Usaha awal untuk memperkemas peperiksaan pelesenan yang sedia ada dimulakan pada Oktober 2001. Proses itu membabitkan penyusunan semula peperiksaan dan mempertingkatkannya secara berperingkat-peringkat untuk memenuhi standard amalan antarabangsa.
- Memperkenalkan peperiksaan baru pelesenan – Selaras dengan penggabungan KLOFFE dan COMMEEX, SIDC memperkenalkan peperiksaan Module 13: Business Rules of MDEX pada Ogos 2001 untuk menggantikan peperiksaan Module 4: KLOFFE dan Module 5: COMMEEX. Untuk melengkapkan peperiksaan baru itu, satu rangka kajian terperinci dibentuk untuk membantu calon-calon dalam persediaan menghadapi peperiksaan itu. Tujuh peperiksaan MDEX diadakan pada tahun 2001, lima daripadanya untuk calon awam dan dua untuk pelajar universiti.
- Modul dan pembentukan CD-ROM – Pada tahun 2001, usaha dijalankan untuk membangunkan panduan belajar peperiksaan Module 11: Compliance (mengenai prinsip pematuhan dalam pasaran modal Malaysia) dan Module 12: Investment Management and Corporate Finance (gambaran menyeluruh prinsip tadbir urus kewangan dan pengurusan pelaburan), dan satu CD-ROM mengenai asas-asas melabur dalam bon. Orang ramai boleh mendapatkan ketiga-tiganya pada tahun 2002.

PROGRAM CPE

SIDC melancarkan program CPE pada 18 Januari 2001. Program CPE itu, yang diwujudkan sebagai sebuah program pendidikan kecekapan kerjaya yang direka bentuk untuk memaklum, mengemas kini dan sebagai ulang kaji kepada profesional pasaran, diwajibkan bagi semua wakil berlesen dalam pasaran modal Malaysia.

Wakil berlesen perlu menghadiri kursus-kursus yang diluluskan oleh CPE dan mengutip 20 mata CPE yang diperlukan dalam tempoh setahun untuk layak memohon bagi memperbaharui lesen tahunan mereka.

Memandangkan jumlah wakil berlesen yang ramai, pelaksanaan program CPE diadakan dalam dua fasa. Fasa 1 dilancarkan pada Januari 2001 dan mencakupi semua wakil peniaga dan Fasa 2 yang akan dilancarkan kemudian, akan merangkumi semua kategori wakil berlesen yang lain. Bagi wakil peniaga, pematuhan mandatori CPE bagi pembaharuan lesen akan berkuat kuasa dari Julai 2002.

Pada tahun 2001, Jawatankuasa Kerja CPE meluluskan 340 kursus CPE yang ditawarkan oleh 52 pembekal CPE yang termasuk SIDC, RIIAM, PERSAMA dan syarikat-syarikat broker saham. Daripada jumlah itu, 173 kursus dijalankan sejak program CPE dilancarkan pada Januari 2001. Daripada 340 kursus yang diluluskan, 267 diadakan di Lembah Klang manakala 73 dikendalikan di negeri lain.

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk menangani kebimbangan berhubung ketersediaan kursus-kursus CPE di luar Lembah Klang, CD-ROM CPE telah dibentuk. Tiga CD-ROM yang diluluskan mengenai *Securities Commission (Amendment) Act 2000*, dan *Due Diligence Practices*, dan *Disclosure-based Regulation* diperkenalkan untuk menjadikan latihan lebih fleksibel dan mudah diperolehi. *Guidelines for CPE-approved CD-ROMs* dikeluarkan bagi memastikan pengurusan dan kawalan yang betul.

Mengenai penetapan harga bagi kursus CPE, 134 kursus yang diluluskan (39.4%) berharga antara RM100 dan RM200 manakala 23 lagi kursus yang diluluskan dibiayai menerusi BTF dan 25 ditawarkan secara percuma oleh syarikat broker saham. Sembilan daripada 18 syarikat broker saham itu menyediakan kursus CPE tanpa mengenakan caj manakala yang lain memberi diskaun untuk membantu dalam pembiayaan kos latihan itu.

Jumlah syarikat broker saham yang menjadi pembekal CPE meningkat sejak akhir-akhir ini. Daripada 52 pembekal CPE, 18 atau 35% ialah syarikat broker saham.

Empat ribu sembilan puluh dua wakil peniaga (53.4%) mula mengumpul mata CPE mereka bagi tujuan pembaharuan lesen menerusi penyertaan mereka dalam kursus-kursus CPE. Walaupun sebahagian telah memenuhi keperluan 20 mata CPE, masih ada yang berada dalam pelbagai peringkat memperoleh mata CPE mereka.

LATIHAN PERANTARA PASARAN

SIDC menganjurkan pelbagai seminar/bengkel pada tahun 2001 untuk melatih perantara pasaran. Berikutan pengenalan Garis panduan ABS Suruhanjaya kepada pasaran modal Malaysia, SIDC menganjurkan taklimat setengah hari mengenai garis panduan tersebut bagi profesional industri.

Pada bulan Jun, SIDC dan Jabatan Pelesenan memulakan satu siri taklimat bagi wakil peniaga di seluruh negara untuk membincangkan peranan dan fungsi mereka berkaitan implikasi CMP. Penganjur juga membincangkan usaha meningkatkan kecekapan rangka kerja pelesenan, daya saingan industri sekuriti dan juga memberi pengemaskinian berhubung program CPE. Taklimat itu diadakan di lapang buah bandar utama di seluruh negara dan sejumlah 910 wakil peniaga menghadiri sesi setengah hari itu.

Tujuh Seminar Sabtu SIDC, yang diiktiraf sebagai kursus yang diluluskan oleh CPE, dianjurkan pada tahun 2001 untuk memenuhi keperluan latihan yang berbeza bagi wakil peniaga. Seminar Sabtu ini yang turut dibuka kepada orang ramai membolehkan wakil peniaga mendapatkan mata CPE yang diperlukan bagi tujuan pembaharuan lesen. Seminar Sabtu SIDC berikut diadakan sepanjang tahun 2001:

- Perubahan Peranan Remisier;
- Pembuat Cip dan Dotcom: Kaedah Penilaian bagi Saham Teknologi;
- Memahami Undang-undang Sekuriti Malaysia;

- Peluang dan Cabaran E-Pembrokeran;
- Memahami Dagangan di BSKL; dan
- Memahami Niaga Hadapan dan Opsyen – Dagangan di Pasaran Derivatif Malaysia.

MENDIDIK PELABUR

Taklimat Komuniti SIDC

SIDC melancarkan “Taklimat Komuniti SIDC”, yang bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pasaran modal Malaysia. Sesi diadakan di 11 tempat dan sejumlah 560 peserta daripada pelbagai latar belakang mendapat faedah daripada sesi itu. Taklimat ini direka khas untuk memenuhi keperluan orang ramai yang sama ada tidak tahu langsung atau mempunyai maklumat cetek mengenai pasaran modal dan fungsinya.

Pameran dan Seminar Bergerak

SIDC mengambil bahagian secara aktif dalam beberapa pameran dan seminar bergerak yang diadakan di dalam dan di luar Lembah Klang, dengan mensasarkan pelabur, pelajar dan orang ramai. Usaha ini bertujuan meningkatkan keceleskan mengenai kewangan di kalangan pelabur agar mereka dapat membuat keputusan pelaburan yang berdasarkan pengetahuan, selaras dengan langkah Suruhanjaya ke arah DBR. Bidang tumpuan pada pameran ini termasuk merancang pelaburan, unit amanah dan perlindungan pelabur.

Siri Bengkel Pasaran Modal

Siri Bengkel Pasaran Modal dijalankan untuk memberikan gambaran yang komprehensif mengenai industri sekuriti di Malaysia dan peraturan yang mentadbirnya. Para peserta juga belajar mengenai cara untuk menganalisis penyata kewangan dan teori penilaian aset. Bengkel lain mengenai

pasaran derivatif Malaysia menawarkan satu kajian komprehensif mengenai pasaran derivatif (niaga hadapan dan opsyen) di Malaysia. Ia menggabungkan teori dan aplikasi praktikal mengenai peraturan, pengawalseliaan, prosedur dagangan dan operasi MDEX yang sedia ada.

Seminar dan Bincang Petang

SIDC menganjurkan seminar dan bincang petang berikut untuk memenuhi keperluan pelbagai kelompok masyarakat:

- “Modal Teroka dalam Ekonomi Baru” diadakan pada bulan Februari;
- “Opsyen Indeks Saham: Satu Sempadan Baru bagi Pasaran Derivatif Malaysia” telah dianjurkan bersama oleh SIDC dan MDEX pada bulan April;
- “Pembentukan Pasaran Bon Serantau: Adakah ia akan Diketuai oleh Pasaran Tokyo?”, bincang petang yang pertama bagi tahun 2001 yang disampaikan oleh Profesor Ghon Rhee, Pengarah Eksekutif, Pusat Penyelidikan Pasaran Kewangan Asia-Pasifik, University of Hawaii pada bulan Julai;
- “Prasyarat Undang-undang dan Keinstitusian bagi Pasaran Sekuriti yang Kukuh” telah disampaikan oleh Profesor Bernard Black, dari Stanford Law School pada bulan Ogos;
- “Pembaharuan Undang-undang Korporat dalam Ekonomi Baru Muncul” telah disampaikan oleh Profesor Bernard Black pada bincang petang pada bulan Ogos;
- “Sekuriti Hutang Swasta Islam: Meninjau Peluang Baru dalam Pasaran Modal” yang dianjurkan bersama oleh SIDC dan IBFIM pada bulan September.

Ruangan Akhbar

Untuk mendidik orang ramai mengenai asas pasaran modal, rencana pendek mengenai perkara seperti “Melabur dalam Pasaran Modal”, “Merancang dan Mengawas Pelaburan” dan “Hak Pemegang Saham dalam Mesyuarat Agung” disiarkan dalam sebuah akhbar harian berbahasa Cina.

MEDEKATI KUMPULAN SASARAN KHAS

Pengarah-pengarah Syarikat Awam Tersenarai

Tadbir urus korporat terus menjadi bidang penting dalam pendidikan pengarah-pengarah. Berikutan pelaksanaan pindaan kepada *KLSE Listing Requirements*, satu seminar bertajuk “Kod mengenai Tadbir Urus Korporat: Apa yang Perlu Diketahui oleh Pengarah-pengarah” diadakan pada bulan Februari. Tiga puluh tiga orang pengarah daripada 28 PLC menghadiri seminar itu.

Badan Kehakiman

Satu kursus tiga hari mengenai pasaran modal Malaysia diadakan bagi ahli-ahli badan kehakiman Malaysia. Ia memberikan satu gambaran keseluruhan mengenai keadaan pasaran modal semasa Malaysia, imperatif yang boleh memacukan pembangunan dan pengawalseliaan di masa hadapan, dan keperluan penguatkuasaan bagi memastikan integriti pasaran yang berkekalan. Kursus itu termasuk taklimat daripada Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan, Suruhanjaya Pelaburan dan Sekuriti Hong Kong dan Australia. Para peserta termasuk para hakim dan pesuruhjaya kehakiman dari Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen.

Pengawal selia Bank

Para peserta pada “Seminar SEACEN-ADBI mengenai Pembangunan Pasaran Modal” melawat Suruhanjaya sebagai sebahagian daripada program mereka. Mereka telah diberikan taklimat mengenai “Pembangunan dan Pembaharuan Pasaran Modal: Pengalaman Malaysia”.

Pegawai-pegawai Kerajaan

Tiga sesi berhubung “Untuk Menjadi Pengarah yang Efektif” dianjurkan bagi 104 orang pegawai dari MoF yang menganggotai lembaga bukan PLC. Kursus itu memberikan gambaran keseluruhan mengenai tugas utama dan tanggungjawab pengarah-pengarah korporat di Malaysia, terutama pengarah bukan PLC.

MENGALAKKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA

Latihan bagi Bumiputera dalam industri diteruskan pada tahun 2001 dan dibiayai oleh BTF, yang diuruskan oleh Suruhanjaya dan membolehkan pekerja Bumiputera dalam syarikat broker saham mendapatkan latihan sewajarnya untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan pembangunan.

Sejak penubuhannya pada tahun 1997, dana itu telah membolehkan 5,899 atau 95% pekerja Bumiputera dalam industri menjalani pelbagai kursus latihan. Secara purata, 1,180 peserta menghadiri kursus latihan setiap tahun.

Pada tahun 2001, 1,253 orang peserta menghadiri aktiviti latihan BTF, 16% lebih tinggi daripada sejumlah 1,077 orang yang menghadirinya pada tahun 2000. Aktiviti latihan dibahagikan kepada empat kategori – pengurusan latihan; pengurusan risiko dan pematuhan; kemajuan diri dan analisis sektoral/isu-isu kontemporari/lain-lain. Jadual 38 menunjukkan jumlah kursus yang diadakan bagi setiap kategori dan jumlah peserta yang menghadirinya.

Kursus-kursus khusus bagi program BTF disahkan sebagai kursus yang diluluskan oleh CPE. Kriteria yang mana kursus-kursus itu boleh disesuaikan dalam program BTF-CPE dibangunkan untuk memastikan pemantauan dan kawalan yang betul. Pada tahun 2001, 763 orang peserta meraih faedah daripada kursus latihan yang ditawarkan bawah program BTF-CPE itu.

LATIHAN KAKITANGAN

Suruhanjaya juga memberi keutamaan kepada melatih dan mendidik kakitangannya, untuk memastikan mereka berupaya menghadapi cabaran daripada persekitaran industri pasaran modal yang dinamik dan berubah-ubah.

Kakitangan Suruhanjaya menghadiri 258 program awam di dalam dan luar negara yang termasuk program formal, sesi *brown-bag*, penempatan sementara, program bersama dengan pengawal selia barisan hadapan, penyampaian dan forum. Beberapa kakitangan juga menghadiri program antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), sebagai peserta dan penceramah.

Jadual 38

Dana Latihan Bumiputera – Jumlah Kursus dan Penyertaan pada Tahun 2001

	Kategori	Jumlah Kursus	Jumlah Ahli
1.	Pengurusan pelaburan	19	512
2.	Pengurusan risiko dan pematuhan	4	167
3.	Kemajuan diri	6	165
4.	Analisis sektor/isu-isu kontemporari/lain-lain	15	409
	Jumlah	44	1,253

Selain program awam, 36 program latihan dalaman, yang direka bentuk untuk memenuhi keperluan khusus bagi kakitangan juga diadakan. Program-program ini menggambarkan bidang tumpuan semasa termasuk perkembangan terbaru industri, ekonomi baru, penyediaan dan penguatkuasaan pasaran.

Empat belas sesi *brown-bag* dijalankan untuk menggalakkan perkongsian maklumat dan kemahiran di kalangan kakitangan, seterusnya menggalakkan budaya pembelajaran berterusan di Suruhanjaya. Tiga program penempatan sementara, dua daripadanya dengan pengawal selia antarabangsa dan satu dengan pengawal selia tempatan, juga diatur bagi membolehkan kakitangan memperoleh pengetahuan secara langsung mengenai fungsi pengawal selia bidang kuasa perundangan antarabangsa, memberikan pendedahan mengenai pengetahuan dan kemahiran baru, meningkatkan lagi kepakaran mereka berhubung bidang tertentu. Satu program bersama mengenai pemantauan antara pasaran juga dijalankan bagi kakitangan Suruhanjaya dan bursa-bursa.

PROGRAM PASARAN BARU MUNCUL

Selaras dengan komitmennya untuk bekerjasama rapat dengan pengawal selia pasaran baru muncul dalam menggalakkan standard pengawalseliaan antarabangsa, SIDC menganjurkan dua Program Pasaran Baru Muncul – pada bulan April dan Oktober 2001. Program enam hari ini menyediakan peluang yang unik bagi para peserta untuk bertukar-tukar pandangan, pengetahuan dan berkongsi kepakaran. Sejumlah 62 orang peserta menghadiri kedua-dua sesi itu dan mereka datang dari 21 buah negara, iaitu Bahrain, Brunei, China, Mesir, Ghana, India, Indonesia, Korea, Lithuania, Mauritius, Nepal, Nigeria, Oman, Sri Lanka, Taiwan, Tanzania, Thailand, Turki, Uganda, Vietnam dan Zambia, dan dua pertubuhan antarabangsa, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam.

Tema program itu ialah “Menyahut Cabaran Ekonomi Baru” dan ia meneliti:

- Peranan sewajarnya bagi pembuat polisi dan/atau pengawal selia dalam menghadapi cabaran-cabaran;
- Isu-isu polisi dan teknikal yang dihadapi pengawal selia pasaran maju dan baru muncul; dan
- Program pengawalseliaan yang dilaksanakan dalam ekonomi maju dan baru muncul.

MENERBITKAN BAHAN PENDIDIKAN

Penerbitan Bercetak

Diterbitkan pada bulan Februari, Mei, Ogos dan November 2001, buletin suku tahun SIDC terus menjadi alat penting dalam menyampaikan maklumat kepada peserta pasaran. Setiap terbitan menonjolkan perkembangan terbaru dalam industri pasaran modal seperti pelancaran program CPE dan CMP. Menerusi ruangnya, ia memaklumkan kepada peserta pasaran mengenai program latihan yang dianjurkan oleh SIDC, peperiksaan pelesenan, penerbitan baru dan perkhidmatan lain yang boleh didapati, seperti penyewaan kemudahan SIDC. SIDC Bulletin memenangi anugerah merit dalam Anugerah Surat Berita Terbaik Malaysia Tahun 2001, Institut Perhubungan Awam Malaysia, bagi produksi surat berita berkualiti tinggi.

Berikutan respons yang menggalakkan, risalah Siri Pendidikan SIDC diperluaskan untuk mencakupi lebih banyak tajuk. Lapan risalah baru diterbitkan, dan ini termasuk risalah *Be a Wise Investor* yang diterbitkan dalam tiga bahasa utama, risalah *Bond Basics* dan *Careers in the Malaysian Capital Market* diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, serta *Investing in the Malaysian Capital Market* dalam Bahasa Cina.

Risalah *Securities Commission – An Introduction* dan *Suruhanjaya Sekuriti – Pengenalan* juga dikemaskini dan diterbitkan pada bulan Jun 2001.

Selaras dengan CPE, “*Due Diligence Practices and Disclosure-based Regulations 2 CD-ROM Pack*” diterbitkan dan dijual dengan harga RM100, yang

membawa lima mata CPE. CD-ROM itu yang dijadikan pelengkap kepada buku kecil amalan ketekunan wajar dan DBR di dalam paket itu, mengandungi persembahan multimedia yang menonjolkan satu panel penceramah yang pakar mengenai perkara itu.

Buku kecil – *A Director's Handbook, Amalan Ketekunan Wajar* dan *Buku Panduan Pengarah* – ditulis khas bagi orang ramai dan dijual pada harga yang rendah.

Tapak web SC

Tapak web SC direka bentuk semula dan dipertingkatkan. Dengan menggunakan Macromedia Flash dan Apple Quicktime ia menonjolkan sebuah reka bentuk yang interaktif dan antara muka yang menarik. Ciri-ciri baru seperti kit permohonan lesen boleh diperoleh secara dalam talian. Satu senarai perantara berlesen yang dikemas kini juga dimuatkan di tapak web itu.

Laman web CPE dilancarkan serentak bersama-sama program CPE. Pengunjung ke laman itu akan dapat memperoleh maklumat mengenai CPE, objektifnya dan mendapatkan jawapan kepada FAQ. Satu senarai pembekal latihan dan kalendar latihan CPE SIDC dimuatkan bagi faedah wakil peniaga.

PROGRAM UNIVERSITI

Untuk melengkapkan kewibawaannya dalam latihan dan pendidikan, SIDC berazam untuk menerajui penyelidikan dalam pasaran modal Malaysia. Ke arah ini, SIDC menganjurkan Anugerah Pasaran Modal Suruhanjaya bagi tahun ketujuh berturut-turut. Dr Ch'ng Huck Khoo muncul sebagai penerima tunggal anugerah itu bagi tahun 2000 dalam kategori ijazah lanjutan. Penyertaannya yang berjaya bertajuk "How many securities make a diversified

portfolio: KLSE Stocks?" dikemukakan oleh Universiti Sains Malaysia.

Program "Melatih Tenaga Pelatih" dianjurkan bagi pensyarah universiti mengenai *MDEX Business Rules* untuk membantu mereka mengajar dengan lebih baik subjek itu kepada pelajar dan calon peperiksaan SIDC.

Bagi pelajar universiti tempatan, SIDC mengadakan seminar mengenai Pasaran Modal Islam bertajuk "Seminar Pasaran Modal Islam untuk Pelajar-pelajar Universiti". Seminar itu memberi gambaran keseluruhan mengenai peranan dan fungsi Suruhanjaya dan mengimbangi perkembangan Pasaran Modal Islam di Malaysia. Ia diadakan di dua tempat di Malaysia Timur – Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Malaysia Sabah, dan sejumlah 627 pelajar mendapat faedah daripada program ini.

PERKHIDMATAN MAKLUMAT

Perpustakaan SIDC terus mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatannya bagi faedah kakitangan Suruhanjaya dan orang ramai, terutama mereka dalam industri pasaran modal dan sekuriti. Sejak pengenalan program Keahlian Perpustakaan SIDC pada tahun 2000, beberapa individu dan organisasi telah mendaftar sebagai ahli dan mendapat faedah daripada koleksi menyeluruh perpustakaan itu mengenai bahan-bahan berkaitan pasaran modal. Pengunjung yang menggunakan perkhidmatan perpustakaan itu dikenakan bayaran nominal.

Setakat bulan Disember 2001 perpustakaan itu mempunyai koleksi 12,608 buku, 278 tajuk jurnal (11 yang diperolehi pada tahun 2001), 921 laporan tahunan syarikat, 738 prosiding, 15 tajuk akhbar, 10 pangkalan data CD-ROM, dan pangkalan data elektronik dan dalam talian mengenai perniagaan perundangan dan maklumat kewangan.

HAL EHWAL ANTARABANGSA

Perhubungan antarabangsa dan kerjasama antarabangsa antara pengawal selia sekuriti penting dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah. Kejadian seperti serangan pengganas 11 September ke atas Pusat Dagangan Dunia New York sekali lagi membuktikan bahawa pasaran saling bergantung dan memberi kesan antara satu sama lain. Suruhanjaya berusaha mewujudkan dirinya sebagai antara pertubuhan antarabangsa terkemuka yang mewakili kepentingan dan pandangan pasaran modal antarabangsa, dengan tumpuan khusus kepada kepentingan dan perkara yang dititikberatkan oleh pasaran membangun.

Suruhanjaya berpendirian bahawa pandangan pasaran membangun wajar didengar dan diambil kira dalam mana-mana pembangunan berkaitan pasaran modal antarabangsa untuk memastikan pasaran membangun terus kekal relevan dalam pasaran antarabangsa. Suruhanjaya banyak meraih faedah daripada pembabitannya dalam kerjasama antarabangsa dalam bidang penetapan standard, pertukaran maklumat dan bantuan lain, termasuk bantuan berhubung aspek penguatkuasaan.

Suruhanjaya terbabit dalam usaha yang dijalankan di kebanyakan forum antarabangsa seperti IOSCO, ASEAN, APEC, WTO dan lain-lain.

IOSCO

Suruhanjaya menjadi ahli IOSCO sejak tahun 1994 dan terbabit dalam beberapa jawatankuasa IOSCO seperti mempengerusikan Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik (APRC) dan Kumpulan Kerja mengenai Pengawalseliaan Pasaran Sekunder bagi Jawatankuasa Pasaran Baru Muncul (EMC).

IOSCO – APRC

APRC, bawah kepimpinan Pengerusi Suruhanjaya, secara aktif menggalakkan kerjasama serantau berhubung perkara yang berkaitan langsung dengan pasaran modal rantau ini. Komitmen ke arah kerjasama serantau dibuat oleh APRC pada mesyuaratnya di Kuala Lumpur pada bulan Mac 2001. Ahli-ahli kemudian mengenal pasti bidang yang memerlukan perhatian segera.

Pada mesyuaratnya di Stockholm pada bulan Jun 2001, ahli-ahli bersetuju untuk melihat pendekatan serantau tentang cara paling berkesan menangani masalah operasi “*cold calling and boiler room*” yang menjejaskan banyak negara. Berikutan itu, tahap perkongsian maklumat selain usaha kerjasama dalam bidang ini dipertingkatkan dengan ketara antara ahli APRC.

APRC juga terus membentuk MoU pelbagai hala serantau bagi tujuan meningkatkan perkongsian maklumat melepasi sempadan dan bidang lain yang dikenal pasti.

APRC juga secara aktif mewakili pandangan dan kepentingan kolektif ahlinya dalam jawatankuasa IOSCO yang lain. APRC mempunyai perwakilan dalam semua jawatankuasa utama IOSCO, yang membolehkannya membincangkan dan membentuk pendirian serantau berhubung isu-isu. APRC berpendapat bahawa ia harus membangunkan kekuatannya dalam pertimbangan polisi perkara-perkara berkaitan pertubuhan IOSCO selain perkara teknikal seperti pembentukan standard yang sedang dibincangkan dan dipertimbangkan oleh IOSCO.

Sesi Terbuka APRC

Bersempena mesyuarat APRC di Kuala Lumpur, Suruhanjaya juga mengadakan sesi terbuka pada 12 Mac 2001. Sesi terbuka itu diadakan bertujuan membolehkan interaksi antara peserta pasaran modal Malaysia dengan pengawal selia dari rantau itu. Tiga sesi panel diadakan dalam bidang berikut:

- (i) *Prospek bagi pasaran Asia-Pasifik*
Sesi itu menilai prospek bagi pasaran modal serantau dan menimbang faktor-faktor yang menjejaskan pencapaian dan pengaliran pelaburan ke dalam pasaran-pasaran ini. Ia juga membincangkan pandangan sektor teknologi di rantau ini, terutamanya meninjau prospek masa depan syarikat teknologi dan bursa yang mengkhusus dalam penyenaaran dan dagangan saham teknologi/pertumbuhan tinggi, termasuk arah aliran ke arah proses penggabungan serta percantuman dan perolehan.
- (ii) *Meningkatkan standard penzahiran dan tadbir urus di rantau ini*
Usaha yang dijalankan oleh pengawal selia pasaran modal dalam meningkatkan standard penzahiran dan tadbir urus korporat telah dipertimbangkan. Bidang-bidang seperti menggalakkan aktivisme di kalangan pemegang saham yang lebih tinggi dan keberkesanan penguatkuasaan bagi hak pemegang saham dan standard tadbir urus juga dibincangkan semasa sesi itu.
- (iii) *Perbincangan mengenai proses penyahkawalseliaan dan pembaharuan pengawalseliaan – pengalaman serantau*
Sesi itu membincangkan pendekatan dan sejauh mana tahap bidang kuasa perundangan di rantau itu telah menyahkawal selia dan meliberalisasikan pasaran modal dan kewangan mereka, terutamanya dalam tempoh selepas krisis, dan kesan pengalaman ini dalam rantau dan implikasi bagi penetapan dasar yang menuju ke hadapan. Sesi itu juga menimbang isu berhubung usaha pembaharuan pengawalseliaan di rantau ini, terutamanya yang mana usaha sedemikian telah membawa kepada struktur pengawalseliaan baru atau yang dipertingkatkan.

IOSCO – Kumpulan Kerja EMC Mengenai Pengawalseliaan Pasaran Sekunder

Pada tahun 2001, EMC bermesyuarat sekali pada tahun ini di Stockholm, Sweden. Kumpulan Kerja mengenai Pengawalseliaan Pasaran Sekunder meneruskan usaha ke atas rangka kerja bagi pembangunan pasaran sekunder domestik dalam PDS pasaran baru muncul. Suruhanjaya membentangkan penemuannya daripada satu tinjauan berhubung pasaran PDS yang menjejaskan pasaran baru muncul. Tinjauan itu mendapat respons yang sangat menggalakkan daripada ahli EMC. Rangka kerja itu dijangka disiapkan pada tahun 2002.

Pasukan Projek Khas IOSCO Mengenai Kerjasama

Semasa mesyuarat mereka dalam bulan Oktober, Jawatankuasa Teknikal IOSCO mewujudkan sebuah Pasukan Projek Khas untuk meninjau tindakan yang perlu diambil oleh pengawal selia sekuriti berikutan kejadian 11 September. Keanggotaan pasukan projek itu juga dibuka kepada ahli jawatankuasa bukan teknikal. Malaysia dijemput menjadi anggota Pasukan Projek Khas itu.

Mandat Pasukan Projek Khas itu adalah berkaitan tiga bidang:

- (i) *Pelan kontingensi* – IOSCO akan mengkaji semula elemen penting pelan kontingensi bagi pasaran, peserta pasaran dan pengawal selia, selain langkah-langkah pengawalseliaan untuk menghadapi keadaan pasaran yang tidak teratur, dengan mengambil kira kejayaan persediaan bagi Y2K.
- (ii) *Memperluaskan kerjasama dan perkongsian maklumat* – Perkongsian maklumat harus diperluaskan untuk mencakupi pengawal selia sekuriti daripada semua bidang kuasa perundangan, selain penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa lain agar dapat menjalankan penyiasatan sepenuhnya ke atas jenayah kewangan. Pasukan projek itu akan mengkaji keupayaan dan kesanggupan pengawal selia sekuriti untuk melaksanakan standard yang berkualiti tinggi bagi perkongsian maklumat dan perluasan standard

untuk memasukkan pengawal selia kewangan dan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang yang lain.

- (iii) *Pengenalpastian pelanggan* – Memandangkan keupayaan untuk mengenal pasti pelanggan oleh firma sekuriti sangat penting bagi menangani jenayah kewangan, pasukan projek akan meninjau komponen-komponen sebuah rejim pengenalpastian yang mantap, dengan mengambil kira implikasi bagi industri.

Pasukan Projek Khas itu mencadangkan agar semua ahli menandatangani satu MoU pelbagai hala bagi meningkatkan perkongsian maklumat dan kerjasama di peringkat global.

Pasukan Petugas Bersama CPSS/IOSCO Mengenai Sistem Penyelesaian Sekuriti

Pasukan petugas bersama itu diwujudkan pada tahun 1999 dengan mandat “untuk menggalakkan pelaksanaan langkah-langkah oleh sistem penyelesaian sekuriti yang dapat meningkatkan kestabilan kewangan antarabangsa, mengurangkan risiko, meningkatkan kecekapan, dan menyediakan perlindungan secukupnya bagi pelabur dengan membangunkan cadangan bagi reka bentuk, operasi dan pengawasan sistem seperti itu”. Suruhanjaya adalah antara tiga bidang kuasa perundangan baru muncul yang dijemput menyertai pasukan petugas itu, dan menyumbang secara aktif kepada usaha itu.

Pasukan petugas bersama itu menyiapkan penggubalan dan penerbitan 19 cadangan dalam laporannya bertajuk *Cadangan bagi Sistem Penyelesaian Sekuriti* pada bulan November 2001. Sebelum pengeluaran laporan akhir itu, pasukan petugas bersama mengeluarkan laporan rundingannya bagi mendapatkan komen orang ramai pada Januari 2001. Proses perundingan itu menerima hampir 90 komen daripada pelbagai pihak yang berminat dari Eropah, Asia, Afrika dan Amerika. Cadangan itu menangani pelbagai aspek proses penjelasan dan penyelesaian, dan berikutan proses perundingan, beberapa cadangan disemak semula dan satu cadangan baru mengenai hubungan melepasi sempadan ditambah. Bidang utama yang ditangani oleh cadangan itu termasuk

rangka kerja perundangan sistem penyelesaian sekuriti, struktur tadbir urusnya, ketelusan dan akses kepada sistem penyelesaian sekuriti, mutu aset-aset penyelesaian, kecekapan sistem, tempoh dan kemuktamadan kitaran penyelesaian, dan sejauh mana sekuriti pelanggan dilindungi.

Pasukan petugas bersama itu seterusnya dimandatkan supaya mewujudkan satu kaedah penilaian untuk menilai pelaksanaan cadangan-cadangan itu.

IOSCO – Jawatankuasa Pelaksanaan Objektif dan Prinsip Pengawasan Sekuriti

Objektif dan Prinsip Pengawasan Sekuriti IOSCO (Prinsip IOSCO), yang diterima oleh ahli-ahli IOSCO pada bulan September 1998 bertujuan memudahcarakan pencapaian tiga objektif utama pengawalseliaan sekuriti: melindungi pelabur, memastikan pasaran adil, efisien dan telus; dan mengurangkan risiko sistemik. Pentingnya Prinsip IOSCO ditunjukkan melalui hakikat bahawa ia adalah antara 12 standard dan kod yang dikenal pasti oleh Forum Kestabilan Kewangan sebagai penting dalam menyumbang ke arah sistem kewangan global yang mantap dan stabil. Prinsip IOSCO juga digunakan oleh institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF untuk menjalankan Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP) mereka.

IOSCO menjalankan langkah penilaian sendiri sebagai sebahagian daripada strategi pelaksanaannya bagi Prinsip IOSCO. Pusingan pertama soal selidik penilaian sendiri itu, yang mencakupi “Tinjauan Tahap Tinggi mengenai Objektif dan Prinsip”, “Tinjauan mengenai Prinsip yang berkaitan Pengawal selia” dan “Tinjauan mengenai Prinsip berkaitan Penerbit” disiapkan oleh ahli-ahli IOSCO dan penilaian terhadap respons masih berjalan. Jawatankuasa Pelaksanaan kerap bermesyuarat untuk membincangkan kemajuan proses penilaian semula itu dan isu-isu berkaitan penyediaan bantuan kepada institusi kewangan antarabangsa dalam FSAP. Mesyuarat-mesyuarat itu memutuskan untuk mewujudkan ukuran rujuk bagi menentukan pematuhan Prinsip IOSCO agar dapat menyediakan panduan bagi ahli-ahli dan institusi kewangan antarabangsa dalam proses FSAP.

Pusingan kedua soal selidik, iaitu “Tinjauan mengenai Prinsip Berhubung Skim Pelaburan Kolektif”, “Tinjauan mengenai Prinsip Berhubung Perantara” dan “Tinjauan mengenai Prinsip Berhubung Pasaran Sekunder” kini dalam proses disiapkan bagi edaran kepada ahli-ahli IOSCO.

IOSCO – Aktiviti Internet

Suruhanjaya secara aktif mengambil bahagian dalam dua jawatankuasa kerja IOSCO berhubung aktiviti sekuriti di Internet:

- (i) Pasukan Petugas Internet bertujuan menyediakan panduan mengenai aktiviti sekuriti di Internet dan penggunaannya oleh pelabur, pengawal selia dan industri sekuriti. ITF mengeluarkan *Laporan mengenai Aktiviti Sekuriti di Internet II* pada bulan Jun 2001 yang menggariskan cabaran yang dihadapi oleh pengawal selia dalam bidang seperti dagangan harian, keupayaan sistem, tapak perbincangan Internet, meningkatkan akses kepada maklumat dan liabiliti pembekal khidmat Internet bagi komunikasi dan maklumat hiperpautan semasa proses penawaran.
- (ii) Pasukan Projek Internet IOSCO, yang diwujudkan pada akhir tahun 2001, ditugaskan untuk mengawasi perkembangan berkaitan Internet dan memudahkan pengaturan pembentangan meja bulat.

Dalam bidang pengawasan, usaha dijalankan oleh Suruhanjaya untuk meningkatkan lagi kepakaran, pengetahuan dan kemahiran teknikal para pegawainya berhubung pengawasan dan penguatkuasaan elektronik yang mana Suruhanjaya menyertai dalam dua aktiviti yang diiktiraf oleh IOSCO, iaitu:

- (i) Hari Layari Antarabangsa Tahunan Kedua pada 23 April 2001 yang membabitkan 40 pengawal selia sekuriti dan niaga hadapan dari 33 buah negara. Acara kawal seliaan sehari itu menonjolkan perbezaan jenis penipuan yang berkaitan sekuriti

atau niaga hadapan yang mungkin dijalankan di Internet; dan

- (ii) Program Latihan Pengawasan Internet, yang dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Dagangan Komoditi dan Niaga Hadapan AS dan Suruhanjaya Bursa dan Sekuriti AS.

JAWATANKUASA IOSCO YANG LAIN

Jawatankuasa Eksekutif

Sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif IOSCO, Suruhanjaya mewakili kepentingan dan pandangan ahli APRC. Jawatankuasa ini menguruskan perkara berkaitan IOSCO sebagai sebuah pertubuhan, termasuk pemilihan Setiausaha-Agungnya. Ia juga membangunkan polisi dan protokol berkaitan interaksi IOSCO dengan institusi kewangan antarabangsa yang lain seperti Bank Dunia dan IMF.

Lembaga Penasihat Pasaran Baru Muncul

Suruhanjaya menjadi ahli lembaga ini oleh sebab penyandangan jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja EMC bagi Pasaran Sekunder. Lembaga itu membincangkan isu berkaitan pembangunan dan kecekapan EMC, termasuk perwakilannya bagi jawatankuasa IOSCO dan institusi kewangan antarabangsa yang lain.

Jawatankuasa Tetap 2 bagi Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa ini menyediakan laporan, kertas penyelidikan dan cadangan berkaitan isu-isu pasaran modal sekunder. Jawatankuasa induknya ialah Jawatankuasa Teknikal (sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pasaran modal maju dalam keanggotaan IOSCO). Tahun ini ia mengeluarkan satu laporan mengenai “Ketelusan dan Pemecahan Pasaran”, yang mana Suruhanjaya turut memberi sumbangan besar.

FORUM ANTARABANGSA YANG LAIN

ASEAN

Suruhanjaya terus membabitkan diri secara aktif dalam menyokong usaha Kementerian Kewangan dalam forum Menteri Kewangan ASEAN, dengan menyediakan input dan bantuan teknikal mengenai isu-isu pasaran modal. Pada bulan Mei 2001, wakil Suruhanjaya dijemput mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN di Honolulu, dan juga bengkel mengenai Pengawasan dan Kerjasama Kewangan ASEAN di Bangkok pada bulan September. Suruhanjaya juga menyediakan sokongan teknikal bagi sekretariat Mesyuarat Kumpulan Kerja Timbalan Bank Pusat dan Kewangan ASEAN pada bulan Mac dan Mesyuarat Timbalan Bank Pusat dan Kewangan ASEAN pada bulan April. Kedua-dua mesyuarat diadakan di Kuala Lumpur.

Di samping itu, Suruhanjaya membantu Kementerian Kewangan dalam menyelaraskan beberapa inisiatif bagi Program Kerja Menteri Kewangan ASEAN. Inisiatif ini adalah berkaitan pemantauan aktiviti dana lindung nilai, membentuk mekanisme bagi penyelarasan bersilang industri kecil dan sederhana di kalangan pasaran modal ASEAN menjelang tahun 2003 (dan yang mana sesuai pada satu tarikh kemudian bagi negara ahli baru), dan menjalin rangkaian usaha sama dan kerjasama di kalangan pusat latihan dan penyelidikan pasaran modal di negara anggota. Kemajuan terhadap inisiatif ini dilaporkan pada Sidang Kemuncak Pemimpin ASEAN Ketujuh di Brunei Darussalam pada bulan November 2001, sebagai sebahagian daripada kajian semula pertengahan penggal bagi Pelan Tindakan Hanoi.

APEC

Suruhanjaya, bersama-sama dengan MoF Kewangan dan BNM, mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kelapan Menteri-menteri Kewangan APEC di Suzhou, China pada bulan September 2000. Bawah tema polisi "Pertumbuhan dengan Penyusunan Semula, Kestabilan dan Ekuiti", menteri-menteri berbincang dengan panjang lebar mengenai pelbagai isu termasuk memperbaiki ekonomi

dan tadbir urus korporat, menggalakkan e-kewangan dan mengukuhkan sistem kewangan. Sebagai wakil Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya mengambil bahagian dalam beberapa inisiatif polisi Proses Menteri Kewangan APEC melalui keahliannya dalam ahli Kumpulan Tegar APEC mengenai tadbir urus korporat, agensi penarafan kredit, latihan bagi pengawal selia sekuriti dan sistem transaksi kewangan elektronik.

Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat di Rantau APEC

Suruhanjaya mengambil bahagian dalam satu dialog dasar mengenai "Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat dalam Rantau APEC" yang diadakan pada bulan April 2001 di Singapura. Dialog itu meneliti isu-isu pelaksanaan berkaitan tadbir urus korporat, terutamanya respons dasar dan tindakan kerajaan yang diperlukan untuk mewujudkan insentif bagi tadbir urus yang baik. Satu ringkasan laporan mengenai hasil dialog dasar dan keterangan ringkas keadaan tadbir urus dalam ekonomi APEC itu dibentangkan pada Mesyuarat Kelapan Menteri Kewangan APEC, dan para menteri bersetuju untuk meneruskan inisiatif untuk memeriksa tadbir urus korporat dalam sektor kewangan, terutamanya, mengambil kira peranan kerajaan dalam mempromosikan tadbir urus korporat yang baik, insentif pasaran dan disiplin.

Inisiatif Latihan Pengawal Selia Kewangan

Suruhanjaya juga menyertai fasa kedua Inisiatif Latihan Pengawal Selia Kewangan yang bertujuan untuk mengukuhkan kapasiti program latihan pengawal selia kewangan di rantau itu. Menurut Fasa II Pelan Tindakan bagi Latihan Pengawal Selia Kewangan yang telah diperaku oleh Kumpulan Penasihat Latihan Pengawal Selia Sekuriti, Suruhanjaya sebagai ahli Kumpulan Penasihat Sekuriti, turut serta dalam penyediaan kursus dan bahan pembelajaran yang akan mengutarakan pelbagai aspek pasaran modal. Suruhanjaya juga diwakili dalam kesemua lima kursus serantau yang dianjurkan bagi komponen pengawal selia sekuriti, bagi inisiatif latihan berhubung isu penguatkuasaan, pengawasan, pendakwaan dan demutualisasi.

Menyokong Pembangunan Agensi Penarafan Kredit Dan Mengukuhkan Standard Penzahiran

Suruhanjaya juga terbabit secara aktif dalam inisiatif bagi Agensi Penarafan Kredit sejak ia dilancarkan di Mesyuarat Menteri Kewangan APEC Keempat pada tahun 1997. Perbincangan pada tahun ini lebih ditumpukan kepada penyelesaian laporan tinjauan yang menangani isu seperti ketelusan dan kebertanggungjawaban proses penarafan, konflik kepentingan, kredibiliti dan kebolehpercayaan penarafan dan penarafan tanpa diminta. Pada Mesyuarat Menteri Kewangan APEC Kelapan, para menteri menerima laporan tinjauan itu, yang termasuk penemuan dan cadangan utama tinjauan bagi menggalakkan sebuah persekitaran yang kondusif bagi penarafan yang boleh dipercayai.

Sistem Transaksi Kewangan Elektronik

Suruhanjaya juga diwakili pada Kumpulan Kerja APEC mengenai Sistem Transaksi Kewangan Elektronik yang mana mandatnya adalah untuk membangunkan dan melaksanakan program bagi menggalakkan lagi pembangunan transaksi kewangan elektronik di rantau APEC. Sehubungan itu, Suruhanjaya turut serta dalam menyediakan draf laporan interim yang telah dibentangkan di Mesyuarat Menteri Kewangan APEC Kelapan mengenai status pembangunan terkini e-kewangan antara ekonomi APEC. Laporan akhir, yang akan mengenal pasti isu bagi pembangunan khidmat e-kewangan dan sistem pembayaran dan penyelesaian elektronik, akan dibentangkan di Mesyuarat Menteri Kewangan APEC akan datang.

LAMAN WEB HAL EHWAL ANTARABANGSA

Tapak web Suruhanjaya terus mengekalkan satu bahagian mengenai hal ehwal antarabangsa dengan mengemaskinikan maklumat berhubung inisiatif antarabangsa yang relevan yang dijalankan oleh

Suruhanjaya. Sebagai pengerusi APRC IOSCO, Suruhanjaya memastikan bahawa bahagian yang dikhaskan untuk ahli APRC itu melaksanakan objektifnya untuk menyebarkan maklumat. Hal itu begitu ketara ketika tempoh tragedi ulung kali yang berlaku di Amerika Syarikat, yang mana maklumat perhubungan ketika kecemasan ahli diposkan bagi memudahkan perkongsian maklumat secara pantas dan efektif di kalangan ahli APRC.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Suruhanjaya menandatangani MoU dengan Lembaga Bursa dan Sekuriti India dan Suruhanjaya Bursa dan Sekuriti Poland pada tahun 2001. Suruhanjaya terus meningkatkan hubungan dua hala dengan rakan sejawatan antarabangsa dalam bidang perkongsian maklumat dan kerjasama. Setakat tahun 2001, Suruhanjaya telah menandatangani 14 MoU dengan rakan sejawatan dari Asia, Eropah, Afrika dan Amerika Selatan.

BANTUAN KEPADA RAKAN SEJAWATAN ASING

Sepanjang tahun berkenaan, Suruhanjaya menghulurkan layanan baik dan bantuan kepada rakan sejawatan asing yang memohon mengadakan lawatan dan latihan bekerja. Suruhanjaya berpegang kepada falsafah berkongsi maklumat dan kerjasama antara pengawal selia, dan oleh itu komited dalam membantu pengawal selia lain. Suruhanjaya berbesar hati untuk memenuhi permintaan yang mencakupi bantuan teknikal, pertukaran pengetahuan, mesyuarat mengenai isu-isu khusus, melawat premis Suruhanjaya selain kunjungan hormat. Pada tahun 2001, Suruhanjaya menerima lebih daripada 20 kunjungan oleh badan pengawalseliaan asing, pertubuhan antarabangsa dan sektor swasta asing. Suruhanjaya menerima pelawat, antara lain, dari Singapura, India, New Zealand, Jepun, Pakistan, Vietnam, Thailand, Oman, Iran, Switzerland, AS dan UK.